



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

#### PARLIMEN KETUJUJUH

*Seventh Parliament*

#### PENGGAL PERTAMA

*First Session*

---

Jilid I                      Bil. 22                      Hari Selasa                      14hb Julai 1987

---

#### KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MUJUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1).

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) (Ruangan 35)

Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) (Ruangan 57)

Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembanguman Perhutanan Malaysia (Pindaan) (Ruangan 103)

#### UCAPAN PENANGGUHAN:

Mendirikan Sekolah-sekolah Tamil - (Ruangan 113)  
Y.B. Tuan K, Sivalingam

Kebcnaran Rakyat Malaysia melawat Negeri Cina - (Ruangan 119)  
Y.B. Tuan Lim Reng Tee



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Selasa, 14hb Julai, 1987**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**BIL TELEFON - ADUAN**

1. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa kebelakangan ini terdapat banyak aduan mengenai bayaran telefon yang dikenakan itu kurang tepat, khasnya selepas penswastaan perkhidmatan telefon; dan
- (ii) untuk mendapatkan satu sistem rujukan dan semakan yang lebih mudah adalah bil-bil telefon akan dicatatkan secara terperinci perkara perkara yang dikenakan bayaran.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Ong Tin Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad iaitu STM memang sedar bahawa terdapat rungutan dan aduan pengguna-pengguna telefon tentang bil telefon yang dikatakan kurang tepat.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sekalian, sebenarnya masih ramai lagi pengguna-pengguna telefon yang belum betul-betul memahami sistem keluaran bil yang dijalankan oleh STM sekarang atau pun Jabatan Telekom Malaysia sebelumnya.

Satu perkara yang perlu diingat ialah pengiraan meter telefon bagi setiap bulan dibuat pada tarikh di antara 15hb sebelumnya ke 15hb semasa bil itu dikeluarkan dan setiap panggilan jauh dicharge mengikut tempoh masa dan jarak jauh atau panggilan itu dibuat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga dalam siasatan berkenaan dengan aduan- bil telefon yang dikatakan tidak tepat terdapat juga panggilan-pariggilan yang dibuat oleh ahli-ahli keluarga pemilih telefon itu atau sahabat-sahabatnya yang berkunjung ke rumah tanpa pengetahuan pemilik telefon itu. Ini sebenarnya adalah di antara salah satu faktor yang menyebabkan bil telefon meningkat di luar dugaan.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah memberi arahan kepada STM supaya setiap rungutan atau aduan tentang bil telefon mesti disiasat dengan telitinya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan kedua, Kementerian saya dan STM sedang merancangkan satu pengeluaran bil telefon secara terperinci kepada pengguna-pengguna tidak lama lagi. Buat permulaannya pelaksanaan projek itu dijangka dilaksanakan dalam bulan Ogos 1987 untuk kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor Darul Ehsan.

Pelanggan-pelanggan yang boleh menikmati perkhidmatan ini adalah mereka yang mempunyai telefon yang disambung terus dari ibusawat jenis komputer sahaja. Walau bagaimanapun, pelanggan-pelanggan telefon di beberapa kawasan ibusawat jenis berkomputer sekarang pun boleh memohon bil lengkap secara ad-hoc, dengan izin, dari Pejabat Telekom kawasan masing-masing dengan kadar bayaran \$5 bagi setiap bil lengkap.

Bil lengkap ini akan memberi butir-butir panggilan seperti tarikh, nombor telefon yang dipanggil, tempoh masa dan juga amaun bayaran bagi panggilan-panggilan jauh sahaja.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah bil telefon yang begitu tinggi yang tidak munasabah disebabkan kerana pencurian kegunaan talian telefon pengguna-pengguna. Dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan menjamin supaya talian telefon ini tidak dicuri oleh sesiapa.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada butir-butir yang sebenarnya adanya pencurian talian telefon untuk membuat panggilan luar pengetahuan Pejabat STM. Jikalau Ahli Yang Berhormat dapat memberi bukti yang sebenarnya, Kementerian saya akan arah pegawai-pegawai berkenaan untuk menyiasat lebih dalam lagi aduan itu.

**Tuan R. M. Jasoi:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi teknikal, apakah kemungkinan telefon seseorang itu boleh digunakan oleh orang lain menerusi Ibusawat yang menyebabkan bil telefon selalu dipertikaikan oleh pengguna.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi teknikal, itu memang boleh untuk sesiapa juga menggunakan talian telefon itu tanpa pengetahuan pemilik telefon itu. Ini bukan sahaja berlaku di Ibusawat (Exchange) tetapi juga di mana-mana cabinet di tepi jalan. Jadi, sangatlah sukar untuk Jabatan Telekom mengenal pasti sesuatu pencurian panggilan itu. Tetapi dari segi teknikal memang boleh seseorang itu mencuri talian telefon untuk membuat satu-satu panggilan tanpa kebenaran ataupun tanpa pengetahuan tuan punya telefon itu.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini adalah merupakan masalah yang timbul sebelum Telekom ini diswastakan. Soalan ini telah ditanya dulu tetapi tidak ada apa-apa tindakan yang memuaskan telah dibuat kerana pada fikiran kami kebanyakan daripada masalah itu barangkali dibuat oleh kakitangan dalam Telekom ataupun syarikat berkenaan itu sendiri, Kalau begitu, bolehkah atau tidak Kementerian tersebut mengarahkan tindakan ini kepada Anti Corruption Agency, dengan izin.

**Tuan Ong Tio Kim:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada bukti-bukti atau keterangan-keterangan yang tepat dan lebih lengkap memang Kementerian ini. pada bila-bila masa ada bukti-bukti yang lengkap, kita akan membawa kes ini kepada STMB sendiri ataupun bagi STMB mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya ataupun melaporkan kepada pihak Polis ataupun Anti Corruption Agency, dengan izin.

Tetapi masalah yang kita hadapi ialah tiada evidence, dengan izin, atau bukti-bukti yang lengkap dan tepat.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, oleh kerana Timbalan Menteri yang berkenaan menyebut "kalau" ada bukti." Saya rasa bukti dia senang sahaja. Segala komplek-koraplen yang datang itu adalah buktinya. Dan saya minta Timbalan Menteri mengarahkan pihak Telekom 'trace' line-line orang yang buat komplek itu, saya percaya perkara ini akan dapat buktinya kerana saya biasa pekerja dengan Telekom dahulu, itu sebabnya saya berasa tidak senang hati dengan jawapan Timbalan Menteri tadi seolah-olah Timbalan Menteri mempunyai banyak pengalaman dalam Telekom.

**Tuan Ong Tin Kim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sebenarnya Setiausaha Parlimen dan bukannya Timbalan Menteri.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Minta maaf.

**Tuan Ong Tin Kim:** Walau bagaimanapun, saya minta maaf, saya sudah lupa soalan, bolehkah Ahli Yang Berhormat ulangi sekali lagi?

**(Ketawa)**

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Minta maaf, saya ingat Timbalan Menteri tadi. Oleh kerana Yang Berhormat tadi menyebut ingin mendapatkan bukti, saya rasa bukti dia adalah daripada orang-orang yang membuat aduan mengatakan bilnya naik dengan tidak sepatutnya. Itu adalah satu daripada buktinya, Dan saya minta Yang Berhormat mengarahkan pihak Telekom supaya men'trace' nombor-nombor yang buat komplek yang bilnya meningkat naik dan saya percaya melalui Exchange ataupun melalui "DP" telefon itu sendiri mungkin dapat dikesan orang-orang yang mencuri line-line tersebut.

**Tuan Ong Tin Kim:** Terima kasih atas nasihat Yang Berhormat itu. Tetapi sebenarnya tiap-tiap aduan yang diterima oleh Kementerian saya ataupun STMB siasatan adalah dibuat bagi tiap-tiap aduan sekiranya ada bukti. Masalah yang kita hadapi ialah evidence yang tepat. Aduan memang banyak, tetapi ada juga selepas siasatan sebagai saya katakan tadi, ada kes-kes yang mana ahli-ahli keluarga dia membuat panggilan tanpa pengetahuan tuan punya telefon itu ataupun sahabat-sahabat atau kawan-kawan dia datang atau berkunjung ke rumah pemilik telefon itu. Jadi, sukar kerana sampai sekarang tidak dapat bukti yang tepat. Pengadu-pengadu pun tidak dapat beri bukti yang tepat atau lengkap untuk Kementerian saya mengambil satu tindakan yang sewajarnya tentang tiap-tiap aduan. Itulah satu masalah yang kita hadapi.

#### LESEN MENANGKAP IKAN

2, **Tuan Koh Im Pin** minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jenis-jenis lesen untuk nelayan menangkap ikan dan berapakah bayaran bagi sesuatu jenis lesen itu; dan dalam negara kita berapakah jumlah orang nelayan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]:** Tuan Yang di-Pertua, ketika ini terdapat lima jenis lesen menangkap ikan dan bayaran-bayarannya adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	JENIS LESEN	BAYARAN LESEN	WANG PERTARUHAN
		[Bagi setiap perkakas dan setiap tahun]	[Bagi setiap tahun]
		\$	\$
1.	Pukat tradisi	2. 00	Tiada
2.	Pukat Moro Ami	300. 00	1,000.00
3.	Pukat Kenka Dua,Bot	30. 00	300.00
4.	Pukat Jerut	[Mengikut gross/tonnage]	
5.	Pukat Tunda	[Mengikut gross/tonnage]	



Oleh sebab senarainya panjang, saya akan sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis berhubung dengan bayaran lesen serta wang pertaruhan bagi Pukat Tunda, Pukat Jerut dan juga jerut Bilis.

Jumlah nelayan di negara ini ialah 99,208 orang iaitu:-

Semenanjung	- 69,530 orang
Sarawak	- 12,878 orang
Sabah	- 16,800 orang.

**Tuan Hg Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertanian akan mengkaji semula dengan mengurangkan denda maksima \$10,000 kepada nelayan yang melanggar syarat atau melanggar Akta Perikanan tanpa mendapat lesen daripada Kementerian berkenaan sebaliknya pula ada nelayan-nelayan yang datang daripada negara-negara jiran, begitu bebas.....

**Tuan Tang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya kelmarin telah memaklumkan dan saya suka mengingatkan lagi iaitu soalan tambahan. Mengikut soalan di sini ialah jenis lesen-lesen dan bukan denda. Jadi, apa perhubungan ada dengan lesen dan denda?

**Tuan Ng Peng Hay:** Kerana nelayan tidak ada lesen, memohon tetapi tidak dapat lesen jadi mereka kena denda. Dan dendanya begitu tinggi sehingga \$10,000 dan saya bawa lagi kerana ada nelayan datang daripada negara jiran begitu bebas masuk dalam perairan negara kita;

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab, dipersilakan; kalau tidak saya pun bersetuju.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu tidak ada kaitan dengan soalan asal. Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan di sini **ber-**hubung dengan soal lesen, kita akan memberi lesen kepada sesiapa sahaja yang benar-benar ingin menjalankan kegiatannya sebagai nelayan. Tetapi di kawasan-kawasan di mana ikan pupus maka sudah tentu lesen tidak dapat diberi. Kalau diberi pun mereka tidak akan berjaya untuk mendapat hasil yang sesuai.

**Tuan Hg Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya bangkitkan berkenaan dengan nelayan datang daripada Indonesia yang keluar masuk ke dalam perairan negara kita khasnya di Melaka dengan begitu bebas tanpa mendapat lesen daripada Kementerian berkenaan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan membenarkan sesiapa jua mencerobohi lautan kita. Oleh sebab itulah pada hari ini kita mempertingkatkan rondaan laut kita dengan pengawasan udara di mana kita memperhebatkan" juga operasi-operasi tertentu termasuk operasi khas, operasi bersama semuanya ini dijalankan untuk menghalang penceroboh-penceroboh daripada negara lain masuk ke dalam perairan kita.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin mendapat tahu daripada timbalan Menteri yang berkenaan kerana Timbalan Menteri sebut tadi lesen-lesen sebanyak 5 jenis. Dan pada semalam saya ada dengar satu pukak bernama pukak "concord". Tidak ada tersebut pun di sini dalam lesen-lesen 5 jenis ini tadi? Apakah jenis pukak "concord" yang disebutkan oleh Yang Berhormat pada semalam, saya ingin tahu.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Ini saya rasa adalah cabang daripada kenka dua bot tadi, kalau tidak silap saya. Tetapi walau bagaimana sekalipun, saya akan beritahu kepada Yang Berhormat dengan jelasnya satu hari nanti,

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah itu Sekarang soalan yang lain.

#### PULAU LANGKAWI SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN ANTARABANGSA

**3. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah yang telah dan akan dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membangunkan Pulau Langkawi, Pulau Bebas Cukai ini, kepada sebuah Pulau yang dapat menarik pelancong-pelancong dari luar dan dalam negeri.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan Pulau Langkawi sebagai sebuah pusat pelancongan bertaraf antarabangsa, Kerajaan sehingga kini telah dan sedang melaksanakan beberapa projek infrastruktur asas seperti pembesaran lapangan terbang, jalanraya, bekalan air dan bekalan elektrik. Kos keseluruhan projek ialah kira-kira \$285 juta. Daripada jumlah tersebut sejumlah kira-kira \$230 juta telah dibelanjakan setakat ini. Kerajaan juga sedang mengenalpasti lain-lain pembangunan yang perlu untuk kemudahan para pelancong dan memperbaiki infrastruktur yang telah sedia ada. Di samping itu Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$1.6 juta untuk melaksanakan projek pengindahan Pulau tersebut supaya persikatarannya sesuai dengan keperluan industri pelancongan.

Sementara itu Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia juga telah membelanjakan sejumlah \$26.85 juta bagi projek pembesaran Hotel Langkawi Island Resort. Projek pembesaran ini melibatkan penambahan bilik dari 100 buah kepada 215 buah. Kemudahan-kemudahan lain yang turut lengkap ialah seperti 2 buah restoran baru, sebuah

kolam renang, kemudahan-kemudahan persidangan serta kemudahan-kemudahan rekreasi dan sukan. Projek ini telahpun disiapkan pada penghujung tahun 1986.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah berkaitan dengan Kerajaan kita sedang berusaha menggiatkan industri pelancongan. Adakah Kerajaan kita merancang mengadakan "Kempen Berbudi Bahasa terhadap pelancong-pelancong yang melawat negara kita dalam tiap-tiap lapisan masyarakat kita? Ini adalah penting dan ia akan memberi satu kenangan manis kepada pelancong-pelancong yang melawat negara kita.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua sebenarnya soalan asal adalah berkenaan dengan Pulau Langkawi, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ingin tahu berkenaan dengan kempen budi bahasa ini kita belum ada kempen secara tertentu. Tetapi pihak hotel-hotel telah mengadakan kempen-kempen mereka sendiri.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas usaha yang gigih Kerajaan untuk memajukan dan memasyhurkan Pulau Langkawi, tidakkah satu masa besok bila Pulau Langkawi sudah terkenal seluruh dunia, maka Yang Amat Berhormat pula dituduh sebagai yang punya pulau itu ataupun akan menjual pulau itu semacam mana tuduhan yang telah dilemparkan kepada Yang Amat Berhormat?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Malaysia ini kepunyaan saya sama dengan Ahli Yang Berhormat. Jadi, kalau hendak tuduh, boleh tuduh. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan soalan tambahan. Saya fikir banyak kali saya telah beritahu bahawa soalan tambahan sepatutnya

mesti ada berkaitan dengan soalan asal. Ini tidak ada kena mengena.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tidak. Fasal Yang Amat Berhormat pernah dituduh hendak menjual Limbang, fasal itu.saya....

**Tuan Tang di-Pertua:** Bukan, itu jadi lain perkara. Tolong jangan buat begitu. Banyak lagi soalan-soalan yang tertinggal selalu oleh kerana sbalan-soalan tambahan yang tidak kena mengena dengan soalan asal ditanya. Jadi, minta maaf, cukuplah yang itu.

Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

#### **KEMPEN BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA**

**4. Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat manakah pencapaian kempen "BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA" yang dijalankan oleh badan-badan Kerajaan termasuk Majlis-majlis tempatan dan apakah langkah-langkah telah dan akan diambil untuk memperhebatkan kempen tersebut.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia adalah bertujuan untuk menimbulkan kesedaran orang ramai terhadap pelbagai barangan yang dihasilkan atau dibekalkan dalam negeri oleh industri-industri tempatan. Penilaian yang telah dibuat menunjukkan bahawa objektif menimbulkan kesedaran itu di kalangan masyarakat umum telah pun tercapai. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Survey Research Malaysia, kesedaran mengenai kempen dan objektif-objektifnya sedia wujud di kalangan 70% daripada rakyat Malaysia yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi dan juga melibatkan semua kaum.

Adalah diharapkan bahawa dengan wujudnya kesedaran itu di semua pihak khususnya pengguna dan pengilang barang-barang buatan tempatan, maka lambat laun akan berubah sikap, tabiat dan budaya

kepenggunaan di pihak pengguna dan meningkatnya tahap produktiviti perkilangan serta mutu barangan kilang-kilang tempatan. Sama ada semua itu akan berlaku adalah bergantung kepada daya usaha, kreativiti dan komitmen semua pihak terhadap peranan dan kewajipan masing-masing.

Kerajaan melalui agensi-agensinya seperti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Penerangan, Kementerian Pendidikan termasuk juga Majlis-majlis Kerajaan tempatan telah menjadi penggerak utama kepada Kempen Belilah Barangan Malaysia yang telah diadakan. Agensi-agensi tersebut juga adalah sentiasa digesa untuk memberi keutamaan kepada penggunaan barang-barang buatan tempatan. Justeru itu, Kerajaan berharap usaha yang seterusnya dapat pula dilaksanakan oleh pihak swasta kerana adalah lebih penting pihak swasta pula berkempen untuk mengeluarkan barangan yang bermutu dengan harga yang berpatutan dan memasarkan barangan mereka dengan lebih berkesan. Satu kempen yang dtanjurkan oleh pengilang, pengusaha dan peniaga sendiri untuk mencapai keunggulan dalam setiap segi operasi mereka nescaya lebih meyakinkan pengguna. Jika mereka berbuat demikian, Kerajaan pasti barangan buatan Malaysia bukan sahaja akan mendapat sokongan, keyakinan dan langganan yang lebih baik daripada pengguna-pengguna tempatan bahkan juga pengguna-pengguna dari luar negeri.

**Tuan Yang di-Pertua;** Silakan Puan Ainon.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan, selain daripada langkah-langkah yang telahpun dianjurkan yang baharu sahaja didengar sebentar tadi yang begitu baik, tidakkah Kerajaan kita bercadang untuk menyekat

kemasukan ataupun mengurangkan importan barang-barang daripada luaran yang bersaing hebat dengan barang-barang buatan Malaysia atau yang sama jenis ataupun sama kegunaannya?

**Tuao M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia anjuran Kementerian Perdagangan dan Perindustrian amat bergantung kepada sambutan semua lapisan masyarakat, terutama sekali pengusaha-pengusaha tempatan hendaklah berusaha meninggikan teknologi dan mutu barang-barang keluaran mereka serta menjual barang-barang itu dengan harga yang berpatutan. Orang ramai pula hendaklah mengikis sikap lebih suka membeli barangan import walaupun barangan buatan negara sendiri setaraf atau lebih tinggi rautnya haruslah masyarakat akan membeli buatan Malaysia, kerana dengan membeli barangan buatan Malaysia anda membantu negara mengurangkan wang dari mengalir ke luar negeri untuk memperkukuhkan kedudukan imbalan bayaran negara.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Saya rasa jawapan, itu tidak tepat. Soalan saya ialah adakah Kerajaan bercadang untuk menyekat kemasukan barangan dari luar atau mengurangkan kuota pengimportan barang-barang yang sama jenis pengeluarannya dengan Malaysia, sebab kalau perkara ini bersaing di pasaran dan mereka itu mendapat kesempatan yang lebih meluas dalam pengiklanan, tentulah kempen kita sukar hendak dijalankan dan mencapai matlamat yang segera?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengambil beberapa langkah untuk memasukkan dalam pasaran barangan buatan Malaysia untuk mempertingkatkan penjualan dan pemasaran.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ini ada berkaitan dengan pembelian barangan buatan tempatan. Adakah Kementerian berkenaan bersetuju ada setengah-setengah pengguna-pengguna kita masih tidak mahu menggunakan barangan buatan tempatan itu kerana mutunya terlalu rendah? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk meningkatkan mutu barangan buatan tempatan?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, barang buatan Malaysia bukanlah bermutu rendah. Tuduhan barang buatan Malaysia bermutu rendah itu saya tidak bersetuju.

**Tuan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-pertua, bolehkah Yang Berhormat menyatakan sama ada wujudnya sebuah jawatankuasa untuk mengawasi kempen ini? Jikalau ada, siapakah mereka yang berada di dalam jawatankuasaini?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada sebuah jawatankuasa untuk menjalankan kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia".



**PELABDRAN ASING**

**5. Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapa banyakkah pelabur asing yang telah melabur di negara kita sejak Januari 1986 hingga hari ini; dan
- (b) sama ada benar atau tidak mengikut laporan-laporan pelabur-pelabur asing telah kurang keyakinan untuk melabur di negara kita.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Januari 1986 hingga Mei 1987 sebanyak 355 projek perkilahan yang mempunyai penyertaan rakyat asing telah diluluskan dan jumlah pelaburan modal projek-projek ini adalah sebanyak, \$771.3 juta. Daripada 355 projek tersebut, 297 projek perkilangan merupakan projek usahasama sementara selebihnya iaitu 58 buah projek adalah merupakan hakmilik asing sepenuhnya.

Jawapan untuk soalan -

- (b) Adalah tidak benar bahawa pelabur-pelabur asing dilaporkan telah kurang keyakinan untuk melabur di negara kita. Ini adalah nyata dari perangkaan MIDA yang menunjukkan bahawa pelaburan modal asing telahpun meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, iaitu daripada \$275.4 juta dalam tahun 1984 kepada \$324.8 juta dan \$524.5 juta dalam tahun 1985 dan 1986 masing-masingnya. Bagi jangka masa 5 bulan yang pertama dalam tahun 1987 sahaja, pelabur-pelabur asing telah membuat pelaburan sebanyak \$246.8 juta.

**Tuan Hassan Alban bio Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berkenaan dengan pelabur-pelabur asing di bidang pembukaan tanah, estet. Adakah benar atau tidak sekarang ini pelabur asing lebih minat ke Sumatra, Thailand dan Irian Jaya daripada ke Malaysia?

**Tuan M.G. Panditban:** Tidak benar. [Ketawa]

#### CUTI TAMBAHAN KEPADA SEKOLAH TAMIL

6. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengarahkan bahawa semua sekolah-sekolah Tamil di negara ini diberi dua hari cuti am tambahan semasa Deepavali seperti yang diberikan kepada Sekolah Kebangsaan dan sekolah-sekolah Cina pada masa Hari-hari Perayaan Am Kebangsaan.

**Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim];** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak ada rancangan untuk mengarahkan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) diberi 2 hari cuti am tambahan semasa perayaan Deepavali kerana dalam peraturan sekarang mana-mana Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang ingin menambahkan cuti mereka, boleh berbuat demikian dengan peruntukan cuti yang sedia ada dan peraturan-peraturan yang telahpun ditetapkan. Lagipun, di Malaysia **ini**, Tuan Yang, di-Pertua, telah banyak sangat cuti dan hari KelepasanAm.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini telahpun saya timbulkan pada session yang lalu iaitu pada Hari Raya Puasa dan Hari Raya Cina, sekolah-sekolah Tamil diarahkan oleh Kementerian Pendidikan ditutup pada hari perayaan-perayaan yang tersebut. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, "perayaan Deepavali adalah satu perayaan nasional, apa sebabnya sekolah-sekolah Tamil terpaksa minta Jabatan Pelajaran supaya dapat cuti tambahan? Saya ada bukti, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apabila mereka mohon

untuk cuti tambahan perayaan Deepavali ada kalanya Jabatan Pendidikan menolak permohonan mereka. Oleh sebab itu memandangkan perayaan Deepavali adalah satu perayaan nasional, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya kalau boleh jangan arahkan sekolah-sekolah Tamil ditutup pada Hari Raya Cina, apa sebabnya?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mengarahkan sekolah-sekolah ditutup untuk Hari Raya Cina dan Hari Raya Puasa sahaja. Hari-hari Raya ini ditetapkan sebagai Cuti Umum atau Kelepasan Am untuk semua sekolah-sekolah dan juga jabatan-jabatan di negara ini. Oleh yang demikian, perkara itu tidak berbangkit.

Yang keduanya, bersabit dengan cuti Hari Raya Deepavali, memang cuti pada hari berkenaan dan peruntukan memang membolehkan sekolah-sekolah ini menambah cuti mereka dan saya akan sukacita kalau Ahli Yang Berhormat boleh memberikan keterangan dan memberi maklum kepada saya sekiranya ada bertaku di mana permohonan mereka ditolak. Saya fikir perkara ini tidak akan berulang lagi.

#### PENEMPATAN SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

7. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada berlakunya pertambahan atau pengurangan di dalam bilangan penempatan setinggalan di Wilayah Persekutuan dan nyatakan kawasan-kawasan setinggalan yang telah dan akan dimajukan oleh Jabatan Perdana Menteri.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan penduduk setinggalan di dalam kawasan-kawasan setinggalan di Wilayah Persekutuan telah dapat dikawal dengan sepenuhnya. Bilangannya juga telah dapat dikurangkan melalui tindakan-tindakan kawalan yang lebih tegas dan pembinaan projek rumah kos rendah serta rancangan pembangunan semula kawasan-kawasan setinggalan.

Pada tahun 1978 bilangan keluarga setinggaan adalah seramai 48,709 keluarga dengan jumlah penduduk setinggaan seramai. 247,154 orang di dalam 212 buah perkampungan setinggaan. Pada tahun 1983 bilangan ini telah dapat dikurangkan kepada 43,420 keluarga dengan jumlah penduduk seramai 216,267 orang di dalam 201 perkampungan setinggaan. Kadar pengurangan itu adalah lebih kurang 11,3%. Pada tahun 1986 hingga 1987 pula, bilangan keluarga setinggaan menjadi 39,801 keluarga dengan jumlah penduduk seramai 199,082 orang di dalam 194 perkampungan setinggaan.

Ini bermakna bilangan setinggan berbanding dengan tahun 1983 berkurangan pada kadar 2.2%. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada data yang disebutkan tadi maka dapat disimpulkan bahawa dari tahun 1978 hingga tahun 1987 usaha Kerajaan dalam mengurangkan bilangan penduduk setinggan telah berjaya dilaksanakan dengan kadar pengurangan secara keseluruhannya sebanyak 13.5%.

Tuan Yang di-Pertua, pengurangan bilangan penduduk setinggan seperti yang telah dijelaskan tadi ialah akibat daripada usaha Kerajaan membina rumah kos rendah serta memajukan kawasan setinggan yang sedia ada melalui projek-projek penswastaaan. Dari tahun 1978 hingga 1986, sejumlah 8,908 keluarga setinggan telah dipindahkan ke rumah kos rendah yang melibatkan seramai 44,072 orang penduduk setinggan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara projek-projek yang telah dirancang dan sedang dalam pelaksanaan untuk tujuan ini ialah seperti berikut:

- (1) Projek rumah panjang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
- (2) Projek usahasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pihak swasta;
- (3) Projek khas bekas Kementerian Wilayah Persekutuan; dan
- (4) Projek-projek penswastaaan.

Secara ringkasnya, kawasan-kawasan setinggan yang terlibat dengan projek ini ialah kawasan Bandar Baru Sentul, Cheras, Setapak, Gombak, Datuk Keramat, Bandar Baru Wangsa Maju, Kampung Haji Abdullah. Hukum, kawasan Pasar Borong, Selayang dan lain-lain lagi.

**PELABURAN ASING KE MALAYSIA**

8. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apabila Perdana Menteri Malaysia Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah, selepas perlantikan Perdana Menteri adakah tanda-tanda pelabur-pelabur negara luar akan lebih banyak datang melabur ke negara kita.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kaitan di antara perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah yang telahpun diadakan di Vienna pada Jun 1987 dengan pertambahan pelabur-pelabur asing ke Malaysia. Walau bagaimanapun, semenjak pengumuman Akta Galakan Pelaburan pada Oktober 1986, terdapat pertambahan pertanyaan-pertanyaan mengenai pelaburan ke Malaysia. Dari maklumat-maklumat yang diperolehi di antara bulan Januari hingga Mei 1987, MIDA telah meluluskan 117 projek pelaburan baru yang bernilai sebanyak \$1,310.2 juta. Ini adalah mungkin disebabkan oleh usaha-usaha gigih yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk menimbulkan suasana pelaburan yang sesuai di Malaysia melalui kelonggaran syarat dan peraturan yang telah dilaksanakan sejak Oktober 1986. Pertambahan ini juga disebabkan oleh keyakinan pelabur-pelabur asing bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai sistem pemerintahan dan ekonomi yang sederhana, stabil dan mempunyai potensi yang baik untuk berkembang maju.

Tidak dinafikan Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah yang mana Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri telahpun dilantik menjadi Presiden mempunyai matlamat ke arah menimbulkan suasana pelaburan yang sesuai bagi pelabur-pelabur asing. Dari perlantikan tersebut, secara tidak langsung kita telahpun berjaya memperkenalkan dan mengharumkan nama Malaysia di kaca mata dunia di mana mereka sekarang mengenali dan mengetahui Malaysia dengan lebih dekat lagi .

#### KURSUS PERUBATAN DI UNIVERSITI TEMPATAN

9. **Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan bahawa kesihatan yang baik adalah amat penting bagi sesebuah negara, bolehkah Kementerian Pendidikan membuat peraturan untuk menjadikan pengambilan bagi kursus perubatan di Universiti-universiti tempatan secara terbuka bagi membolehkan murid-murid cerdik masuk ke dalam kursus itu, supaya mutu doktor-doktor kita serta kesihatan akan ditingkatkan.

**Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya pihak Kementerian membuka peluang kepada semua pelajar untuk memohon memasuki kursus perubatan di universiti tempatan. Hanya pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan terbaik sahaja dipilih memasuki kursus tersebut melalui borang-borang UPU dan telah diputuskan bersama oleh wakil-wakil semua universiti.

#### PROJEK PELANCONGAN DI PULAU PERHENTIAN/TASIK KENYIR

10. **Puan Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan sejauh manakah persiapan dan pelaksanaan untuk projek pelancongan di laut air masin di Terengganu dan Pantai Timur dan projek pelancongan di Tasik Kenyir Terengganu.

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan [Dato' Haji Sabbaruddin Chik]:** Tuan Yang di-Pertua, projek pelancongan di Pulau Perhentian iaitu di laut air masin off Terengganu telah dikenalpasti sebagai mempunyai tarikan-tarikan semulajadi seperti keindahan pantai yang boleh dimajukan sebagai sebuah pusat pelancongan. Seajar dengan itu maka Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik sebuah syarikat swasta untuk memajukan Pulau tersebut dengan mengadakan kemudahan-kemudahan pelancongan termasuk sebuah padang golf dan kemudahan-kemudahan sukan air. Projek ini baru sahaja dimulakan dan dijangka siap, Tuan Yang di-Pertua, menjelang tahun 1989.

Mengenai Tasik Kenyir pula, Tuan Yang di-Pertua, adalah difikirkan ianya merupakan satu kawasan yang mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai pusat pelancongan. Pada masa ini Kerajaan Negeri Terengganu sedang mengkaji jenis-jenis kemudahan dan keperluan infrastruktur termasuk jalan masuk ke kawasan tersebut dan konsep pembangunannya yang ditikirkan sesuai di kawasan ini - di kawasan Tasik Kenyir. Pembangunan projek ini apabila selesai kajian dibuat akan diswastakan.

#### RANCANGAN BAHASA TAMIL DI TV

**11. Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang menambah rancangan-rancangan dalam bahasa Tamil di TV Malaysia dan sekiranya ada, bilakah ianya akan disiarkan.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini TV Malaysia mempunyai beberapa rancangan dalam bahasa Tamil termasuklah Berita pada tiap-tiap hari, majalah "Tumpuan Minggu", tayangan filem-filem mereka Tamil/Hindi pada tiap-tiap hari antara pukul 5.00 - 6.00 petang dan siaran drama pad hari-hari tertentu seperti Deepavali, Thaipusam ataupun Ponggel.



Usaha sedang dibuat untuk menerbitkan lebih banyak rancangan-rancangan hiburan dan drama-drama dalam bahasa Tamil untuk mengisi rancangan-rancangan Filem Tamil yang ada sekarang. Tujuan RTM ialah untuk meningkatkan lagi penerbitan tempatan supaya artis-artis tempatan berketurunan India akan mendapat lebih banyak peluang penyertaan dalam rancangan televisyen dan hasrat Kementerian ini untuk meninggikan lagi kandungan rancangan tempatan dalam siarannya akan tercapai,

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sudah jadi dengan janji Yang Berhormat Menteri Penerangan yang dibuat pada awal tahun ini iaitu tiap-tiap minggu akan disiarkan drama di dalam bahasa Tamil? Janji itu janji sahaja atau akan dijalankan.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Saya kurang pasti berkenaan dengan janji ini, Tuan Yang di-Pertua. Jika ada pun, saya minta maaf. Kalau Yang Berhormat ingin tahu, saya boleh siasat berkenaan dengan sama ada ianya betul ataupun tidak, Jika ada betul dijanjikan, kita boleh timbangkan untuk dilaksanakan.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, janji ini dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan mana boleh dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini akan disiasat. Perkara ini sudah pun jadi heboh di dalam akhbar-akhbar Tamil. Ini akan menjejaskan imej Kerajaan kita. Pada minggu yang terakhir, iaitu pada hari Ahad, sebueh akhbar Tamil telah katakan apa sudah jadi dengan janji Yang Berhormat Menteri Penerangan. Oleh sebab itu, jangan kata ini akan disiasat, sebab ini adalah satu janji oleh Kerajaan kita - seorang Menteri Kabinet.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memuaskan hati Yang Berhormat berkenaan, perkara ini insya Allah saya akan siasat dan jika perlu akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

**Tuan Wg Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Penerangan akan memberhentikan tayangan filem yang menunjukkan kekerasan, seperti pergaduhan antara kongsi-kongsi gelap. Contohnya, tayangan filem yang menunjukkan kekerasan, pergaduhan antara kongsi gelap di dalam bahasa Kantonis.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak soalan ini tidak ada kait-mengait dengan apa yang ditanyakan. Tetapi walau bagaimanapun, saya bolehlah menjawab. Sebenarnya setiap adegan-adegan yang ada dalam filem-filem Mandarin atau filem-filem Kantonis yang sedang ditunjukkan sekarang ini memang ada bantahan daripada pihak kaum Cina sendiri di mana mereka berpendapat bahawa adegan-adegan yang ditunjukkan dalam filem-filem tersebut merupakan adegan-adegan ganas yang boleh mempengaruhi anakanak muda untuk berkelakuan jahat dengan melihat filem-filem ini, Jadi sekarang apa Kementerian buat ialah Kementerian sedang merancang dan mengkaji, kalau perlu adegan-adegan seperti ini akan dihentikan.

**SAUDARA BARU DIDAFTRKAN**

**12. Tuan Mohd. Wajidi bin Dato Haji Ishak** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah saudara-saudara baru yang telah didaftarkan sehingga akhir tahun 1986; dan
- (b) berapa ramaikah bilangan mereka yang telah kembali kepada agama asal mereka.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah termasuk di bawah bidang kuasa pihak-pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri. Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai maklumat mengenai perkara berikut.

**GURU SANDARAN DI SEKOLAH TAMIL - LATIHAN**

**13. Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi latihan khas dalam perkhidmatan kepada guru-guru sementara di sekolah-sekolah Tamil yang sudah berkhidmat lebih daripada lima tahun mengikut kaedah-kaedah latihan syarat seperti yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran pada masa-masa dahulu, walaupun guru-guru ini mungkin tidak mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedang berusaha melatih guru-guru sandaran yang tidak terlatih yang berkhidmat di sekolah-sekolah Tamil melalui Program Kursus Perguruan Asas Dalam Cuti Untuk Guru-guru Sandaran (KPC) yang tidak terlatih. Program ini bermula sejak dari tahun 1984 dan mulai tahun ini beberapa latihan tambahan telah dilakukan untuk memastikan bahawa guru-guru Tamil diambil ke dalam program bahasa Tamil di maktab-maktab perguruan dan juga diploma pendidikan di universiti-universiti tempatan.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang asal itu mengatakan Kementerian pada masa-masa dahulu walaupun guru-guru ini mungkin tidak mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia. Soalan asal saya adakah Kementerian Pendidikan akan memberi pertimbangan kepada guru-guru yang telah berkhidmat selama 5 tahun. Bolehkah mereka dapat latihan walaupun mereka tidak ada kredit dalam Bahasa Malaysia?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, memang pengecualian telah diberikan bagi guru-guru yang telah lama, mempunyai pengalaman dan agak sudah beransur tuan diberikan beberapa pertimbangan. Tetapi guru-guru yang muda sebenarnya tidak ada sebab mengapa mereka tidak boleh berusaha lulus dalam Bahasa Malaysia dan mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia sebelum melanjutkan kursus-kursus tambahan mereka. Setakat ini kita tidak mendapati masalah untuk mendapatkan guru-guru yang mempunyai kelayakan mengikuti kursus-kursus tersebut dalam bahasa Tamil dengan syarat mereka mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia. Oleh demikian, perkara itu tidak akan dipertimbangkan.

#### LATIHAN KEMAHIRAN MARA

14. **Tuan Haji Jaafar bin Haron** minta Menteri. Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sedarkah Kerajaan bahawa "Bahan Fibre Glass" adalah sangat penting untuk kegiatan pembuatan barang-barang yang boleh tahan lama, mengapakah Kerajaan tidak mewujudkan kursus barang pembuatan daripada "Fibre Glass" dalam Latihan Kemahiran MARA. Jika ada bila diwujudkan dan bagaimana perancangan dibuat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Mohamed bin Jamrah]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah disedari bahawa bahan "Fibre Glass" penting untuk membuat barang-

barang bertahan lama. Buat masa ini MARA belum mewujudkan kursus berkenaan kerana untuk mengadakan satu bidang kursus yang benar-benar sempurna perlu diwujudkan iaitu kursus Tool dan Dye Making. Kursus ini belum dijalankan kerana masalah kepakaran dan perbelanjaan yang mahal. Bagaimanapun, pihak MARA sedang merancang untuk mewujudkan kursus Tool dan Dye Making berterapat di Institusi Kemahiran MARA.

Pada masa ini beberapa orang bakal jurutunjuk sedang dilatih di samping mendapatkan pakar dari Jerman Barat. Dalam masa yang sama juga MARA merancang untuk mengadakan kursus Fibre Glass di Pusat Giat MARA secara kecil-kecilan. Kursus-kursus ini dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 1988.

#### PORIM - TUGAS UTAMA

15. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah tugas-tugas yang dijalankan oleh PORIM; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengenakan cukai ses kepada hasil kelapa sawit bagi membantu Tanam Semula Sawit kepada peladang-peladang kerana sawit merupakan hasil utama negara.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:**

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan (a), saya suka memaklumkan bahawa tugas-tugas Institut Penyelidikan Minyak, Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) secara amnya ialah menjalankan program-program penyelidikan dan pembangunan iaitu R & D dalam bidang industri kelapa sawit yang digariskan oleh Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit. Tugas-tugas utama PORIM eebagaimana termaktub di bawah Akta 218 iaitu Akta Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979.

Mengenai soalan (b), setakat ini Kerajaan tidak bercadang mengenakan kutipan ses ke atas hasil-hasil kelapa sawit bagi membantu tanaman semula di sektor perladangan kelapa sawit. Bagaimanapun, sebahagian besar daripada pengusaha ladang tempatan sudahpun menubuhkan tabung-tabung mereka sendiri khusus sebagai perediaan awal untuk melaksanakan tanaman semula kelapa sawit di ladang masing-masing.

#### PROGRAM PETANI SISWAZAH

16. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tanda-tanda ke arah kejayaan dan terus mencapai kejayaan tercapai terhadap rancangan siswazah-siswazah tani dan di manakah program siswazah tani ini dijalankan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Nohd. Kassim bin Ahmed]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal untuk menilai kejayaan pelaksanaan program petani siswazah kerana program tersebut hanya mula berjalan dengan sepenuhnya pada awal tahun ini. Walau bagaimanapun, sambutan dari siswazah serta Jabatan/Agensi yang terlibat, terutamanya agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam urusan tanah, adalah menggalakkan. Dengan itu, program tersebut adalah menuju ke arah kejayaan dan Kementerian ini yakin bahawa Program Petani Siswazah akan berjaya mewujudkan kumpulan petani moden yang mampu menjalankan usaha pertanian secara komersial dan berdayamaju.

Sehingga ini, projek-projek di bawah Program Petani Siswazah dijalankan di negeri-negeri Kedah, Selangor Darul Ehsan, Johor (KEJORA), Pahang Darul Makmur, Pulau Pinang dan Terengganu.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah "Revolusi Mesin" yang diisytiharkan ini berkaitan dan akan diberi peluang kepada siswazah tani kita?

**Tuan Mohd Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya agak confuse dengan "Revolusi Mesin". "Saya harap Yang Berhormat cuba sebolehnya memberi penjelasan sedikit mengenai "Revolusi Mesin" itu.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada Menteri telah membuat ucapan mengatakan satu skim untuk memper-tinggikan dan untuk menarik minat para siswazah kita supaya mahu bertani ialah dengan menggunakan alat-alat teknologi moden iaitu mesin-mesin. Jadi, diadakah satu skim atau satu dasar atau satu revolusi yang diberi nama "Revolusi Mesin".

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, jika sekiranya projek ini telah dimulakan awal tahun, sekarang sudah masuk bulan Julai tidak semestinya projek pertanian petani-petani siswazah itu hendak tanam kelapasawit yang menunggu tiga tahun baru keluar hasil atau tanam getah, tujuh tahun baru keluar hasil tetapi ada tanaman yang tempohnya 40 hari pula sudah keluar hasil seperti sayur-sayuran, tak sepatutnya sampai tujuh bulan masih belum tahu kejayaannya.

Jadi adakah projek ini telah menghasilkan kejayaan, kalau ada, saya hendak tahu di mana kerana kita akan jadikan projek itu sebagai contoh kepada berpuluh-puluh ribu siswazah kita yang terkapar-kapar sekarang ini menghadapi masalah mereka?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan sesuatu projek itu bukanlah sesenang yang diperkatakan tetapi ini soal praktikal, soal implementasi. Maka apa-apa rancangan terpaksa dilaksanakan terlebih dahulu umpamanya, di Kedah, kita ada mempunyai kawasan 400 ekar yang telah dikenalpasti untuk dijadikan estet perindustrian pertanian dan kita hantar di situ tiga orang siswazah untuk memulakan projek tapak semaian benih rotan tnanau dan lain-lain lagi.

Projek ini bukanlah sesenang seperti yang diperkatakan. Jadi kalau saya hendak perkatakan satu persatu tentang pelaksanaan kita pada hari ini, sama ada di Selangor, Johor atau di lain-lain kawasan lagi memang banyak dan setakat ini kita tidak boleh memastikan tentang kemajuannya. Apa yang dapat kita perkatakan di



sini bahawa mereka telah menjalankan kegiatan mereka dengan bersungguh-sungguh. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah atau tidak Timbalan Menteri Pertanian menyatakan berapakah bilangan siswazah tani itu yang betul-betul minat dan bekerja tani terus menerus ataupun buat sementara sahaja?

Yang kedua, apabila menyebut projek siswazah tani ini menggalakkan, saya takut galakan sahaja tetapi kerja tak jadi. Saya dapati Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian ada menyebut di Trengganu pun ada projek ini dijalankan tetapi orang Trengganu sendiri barangkali tak sampai 0001% yang mengetahui projek siswazah tani ini, bilangannya dan yang menganggur itu pun lebih daripada 38,000 tetapi yang menjalankan pertanian itu berapa ribu? Jadi rotan manau itu ada duri, kita takut para siswazah itu pada satu hari terkena duri dia akan lari.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak menyatakan berhubung dengan projek di Terengganu, sekarang kita dapati 4 orang siswazah telah memohon untuk mengusahakan perusahaan memelihara ikan dalam sangkar dan suka saya menyatakan di sini bahawa kita sebagai wakil rakyat atau sebagai Senator eloklah memberikan galakan kepada mereka supaya meneruskan usaha ini dan saya merasakan bahawa siswazah atau para siswazah tani yang ada pada hari ini sememangnya tidak akan menghampakan hasrat kita atau kehendak kita asalkan kita sama-sama memberikan sokongan kepada mereka.

Berhubung dengan jumlah siswazah yang kini mengambil bahagian secara serius berhubung dengan aktiviti ini adalah lebih kurang 69 orang. Bilangannya seperti berikut:

Kedah	3	orang
Selangor (I)	16	"
Johor	17	"
Pahang	16	"
Pulau Pinang	4	"
Selangor (II)	3	"

Jumlah kesemuanya 69 orang. Dan mereka yang mendaftar untuk melibatkan diri dalam pertanian ini berjumlah tak kurang daripada 920, orang dan tanah yang telah dipajak kepada mahasiswa pula tak kurang daripada 730 hektar. Jadi kita berharap dengan nasihat dan dorongan kita, mereka ini akan dapat menghasilkan sesuatu kejayaan. Itulah hasrat dan doa kita pada hari ini.

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian Pertanian mengadakan Pasukan Petugas" Khas di dalam membimbing pihak siswazah bagi pelaksanaan projek yang dirancangkan itu dengan teratur supaya benar-benar dapat dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi Pasukan Petugas Khas sebenarnya kita bergantung kepada Pegawai-pegawai Pengembangan Pertanian yang ada di merata-rata ceruk. Jadi, mereka ini boleh menjadi penasihat kepada petani daripada kalangan siswazah dan di antara itu siswazah yang berkenaan ini kebanyakannya berkelulusan dalam jurusan pertanian. Jadi mereka itu sudah boleh dikatakan pakar, cuma dari segi tenaga, praktikal sahaja yang patut kita sama-sama sokong.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, kerana hendak memberikan galakan dan mahukan mereka itu mencerburkan diri dalam bidang pertanian inilah, maka saya ingin

tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, kalau di Kementerian Pertanian sahaja ada lebih 28,000 kakiktangan hendak menolong 69 orang siswazah tadi, sehingga bulan Julai ini belum nampak hasilnya, saya rasa hendak menitikkan air mata - sungguh, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, perkara ini tidak sepatutnya kita jadikan seperti satu projek untuk melepaskan batuk di tangga atau untuk hendak memberikan jawapan mudah kepada masyarakat, kerana kita tahu sekarang berpuluh ribu ibu bapa yang menangis siang-malam memikirkan anak-anaknya keluar dari universiti tapi tak bekerja. Kita katakan, jangan pilih kerja, bertani, berternak, pelihara ikan, tetapi ke manakah mereka hendak pergi? Sebab itu saya minta tunjukkan satu contoh projek yang berjaya supaya kita boleh bawa siswazah yang lain tengok, kalau dia tak mahu buat kita boleh marahkan kepada yang lain.

Inilah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian ini dapat betul-betul memberikan harapan yang baik, sebab kita tidak mahu akan timbul tulisan, akan timbul ancaman, akan timbul masalah yang memburukkan imej Yang Berhormat Menteri Pertanian yang begitu gagah dan gigih, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian yang begitu gagah dan gigih untuk hendak menyelamatkan petani-petani dan hendak menolong siswazah-siswasah itu.

Saya tidak mahu artikel seperti ini ditulis dalam suratkhobar. Kalau kita ada beratus ribu hektar tanah yang terbiar tak boleh diusahakan kita malu, sedangkan di Mesir katanya ada berpuluh ribu ekar tanah padang pasir boleh dijadikan bumi hijau - tanah pasir tandus. Sedangkan tanah kita subur tetapi tak boleh dibuat apa-apa oleh anak-anak yang ada pelajaran tinggi.

Kalau "Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian tak jawab pun tak mengapa (Ketawa) kerana saya sudah lepaskan perasaan saya, tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian hendak jawab, saya berterima kasih untuk saya jadikan pegangan dalam mesyuarat Budget kita pada akhir tahun ini. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak hendak jawab panjang, cuma saya sungguh berbangga dan berterima kasih di atas keikhlasan dan kejituan Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi menyatakan bagaimana beliau mengharapkan sesuatu yang akan dapat dilaksanakan oleh mahasiswa tani pada satu hari nanti dan sebagaimana yang saya katakan awal-awal tadi tentang kejayaan yang sebenar yang boleh kita lahirkan di Dewan ini pada hari ini, maka saya ingin menyatakan bahawa ianya agak terlalu awal sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi pertanyaan Jawab Mulut sudah cukup.

**[Masa untuk pertayaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 57 adalah ]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PELABUHAN BINTULU (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (13hb Julai, 1984).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menyambung ucapan beliau. Dipersilakan, Yang Berhormat.  
3.38 ptg.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya kehilangn punca untuk hendak menyambung perbahasan saya mengenai Lembaga Pelabuhan Bintulu kerana masalah yang baru sebentar yang baru kita hadapi dalam sesi soal jawab tadi.

Namun demikian, saya ingin menarik perhatian kepada pihak Kerajaan, khasnya kepada Kementerian ini yang mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu, 1981 ini untuk membolehkan Lembaga Pelabuhan Bintulu diswastakan.

Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan mengapakah pada tahun yang akhir-akhir ini Pelabuhan Bintulu kurang disinggahi oleh kapal-kapal yang berlayar?

Kalau satu masa Pelabuhan Bintulu disinggahi oleh lebih daripada 1,000 buah kapal, tetapi pada tahun-tahun yang akhir ini tidak sampaipun 1,000 buah kapal yang singgah di Pelabuhan Bintulu. Ini adakah kerana sistem punggah-memunggah di Pelabuhan Bintulu itu lambat atau leceh, yang menyebabkan tuan-tuanpunya kapal tidak mahu lagi singgah di situ, atau kerana disebabkan kemelesetan ekonomi perdagangan tidak dapat dijalankan begitu lancar melalui Pelabuhan Bintulu.

Yang keduanya, selama ini Pelabuhan Bintulu di bawah jagaan Kementerian mempunyai geran ataupun duit bantuan daripada Kerajaan. Jadi apabila kita telah luluskan ini adakah Kerajaan bercadang untuk meminta kepada Lembaga, kepada syarikat atau orang-orang tertentu yang akan menamatkan usaha perkembangannya di Pelabuhan Bintulu itu memulangkan balik geran yang Kerajaan berikan selama ini, secara perlahan-lahan atau semata-mata Kerajaan mengharapkan cukai yang akan dtbayar oleh Pelabuhan Bintulu itu kepada pihak Kerajaan. Harta yang ada kepada Pelabuhan Bintulu barangkali kalau mengikut dalam laporan yang terakhir tahun 1985, kalau tidak salah saya adalah \$112 juta. Adakah ini difikirkan boleh memadai kepada Pelabuhan Bintulu ini untuk menjalankan operasinya tanpa geran daripada Kerajaan? Dengan dibiayai sebanyak itu tidak dapat hendak melaksanakan, menjalankan operasi di Pelabuhan Bintulu masih memerlukan geran daripada Kerajaan sebanyak \$500 juta kalau tidak salah saya - \$500 juta atau \$500,000, saya tidak faham angka ini. Jadi ini tidak ada makna. Kalau diserahkan kepada satu badan yang menjalankan usahaniaga tetapi geran daripada Kerajaan masih diteruskan, ini tidak ada makna kita memberikan taraf Pelabuhan Bintulu ini kepada satu pelabuhan yang diswastakan.

Inilah beberapa hal yang sayaperlu penegasan, namun demikian memang sampai masanya Pelabuhan Bintulu ini untuk diswastakan sepertimana hasrat dan cita-cita Kerajaan kita di dalam dasar pen-swastaannya dan persyarikatan Malaysia untuk memberi peluang kepada mana-mana agensi-agensi Kerajaan yang memperlihatkan perkembangan yang baik dan yang boleh mendatangkan keuntungan untuk dibebaskan sebagai satu syarikat swasta, untuk menjalankan operasinya dan berdiri di atas kaki sendiri dan tidak mengharapkan daripada Per-bendaharaan negara semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan memanjangkan lagi per-bahasan saya mengenai dengan Akta ini, kerana beberapa perkara telahpun disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, mengenai dengan Akta ini. Jadi dengan ini saya dengan sukacitanya menyokong supaya Akta ini untuk diluluskan di dalam Dewan ini. Cuma harapan saya kalau selama ini Pelabuhan Bintulu mempunyai piutang-piutang yang berjumlah berjuta ringgit, diharapkan apabila Pelabuhan Bintulu ini dijadikan Pelabuhan swasta, ia tidak akan menanggung piutang yang berat, piutang yang banyak daripada pengguna-pengguna pelabuhan itu kerana kalau Kerajaan mempunyai satu Akta boleh mendakwa si piutang, tetapi dengan adanya sebuah syarikat kemungkinan adanya tolak-ansur, dan dikhuatiri nanti syarikat yang menjalankan operasi di Pelabuhan Bintulu ini akan jatuh bankrap kerana menanggung piutang - bukan menanggung hutang, menanggung piutang. Maknanya kapal-kapal yang masuk tidak bayar sewa, ia menanggung piutang sehinggakan operasinya terbantut daa gagal, kerana pengalaman-pengalaman yang lalu sepatutnya kita dapat jadikan sebagai panduan.

Apabila kita melaksanakan Pelabuhan Bintulu ini sebagai satu pelabuhan yang akan diswastakan. Sungguhpun kalau rugi akan ditanggung oleh pihak swasta yang sanggup, cetapi nama Kerajaan, nama negara akan terjejas sama. Itu maksud dan tujuan saya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) untuk diluluskan. Terima. kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Azman.

**3.46 ptg.**

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang untuk sama-sama membahas satu Akta yang bernama Rang Undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

Tuan Yang di-Pertua, memang sudah sewajarnya Pelabuhan Bintulu ini patut diswastakan kepada sebuah syarikat yang benar-benar berkemampuan, sebuah syarikat yang pernah memberikan sokongan dan memuji-muji di atas pentadbiran Kerajaan yang dipimpin sekarang.

Kita berharap Pelabuhan Bintulu ini akan menjadi sebuah Pelabuhan semacamana pelabuhan-pelabuhan yang telahpun kita swastakan selama ini, contohnya Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang dan lain-lain. Apabila Pelabuhan ini diswastakan nanti, kami di Semenanjung mengharapkan supaya syarikat-syarikat yang akan diberi peluang untuk menjadi pembina Pelabuhan ini supaya benar-benar dapat menolong balik Kerajaan dan membantu Kerajaan terutamanya di dalam mengutip hasil negara kita. Memang ini satu dasar Kerajaan supaya memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang berkemampuan dengan



harapan supaya syarikat **ini**. dapat mencari keuntungan dan dari hasil keuntungan itu syarikat ini dapat membayar balik cukai-cukai yang dikenakan kepada syarikat ini oleh Kerajaan kita.

Dengan terbinanya Pelabuhan Bintulu ini nanti, saya percaya sudah barang tentu kita akan menggunakan banyak tenaga untuk bekerja di Pelabuhan itu. Kami di Semenanjung ini tidak berasa kecil hati jika sekiranya pekerja-pekerja yang akan diberi peluang itu datang-nya daripada Sarawak sendiri, kerana sudah memang patut dan sewajarnya di mana negeri yang mempunyai faedah, sudah sepatutnyalah rakyat di negeri itu mesti diberi peluang terutama daripada negeri-negeri lain. Cuma apa yang kami harap apabila ditentukan syarikat-syarikat yang mendapat tender untuk menyertai pembinaan Pelabuhan Bintulu ini agar Menteri yang berkenaan berhati-hati menentukan syarikat-syarikat yang benar-benar berkewibawaan dan benar-benar dengan kemampuan tanpa menjejaskan nama baik Kerajaan setelah tender itu diputuskan nanti.

Saya amat bersetuju dengan apa yang disebut dalam Rang Undang-undang ini, iaitu "di atas kelulusan Menteri dan dipersetujui oleh Menteri Kewangan", kerana sekurang-kurangnya tidak ada mana-mana pihak yang berkenaan akan membuat tohmahan-tohmahan yang melulu ataupun tuduhan-tuduhan seolah-olah Menteri yang berkenaan menyelewengkan tugas dan juga menyalahgunakan kuasanya sebagai Menteri dengan sewenang-wenangnya memberi kepada pihak-pihak yang tertentu untuk menjayakan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan kepada Menteri yang berkenaan apabila selepas sahaja tender-tender ini diluluskan dan penentuan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan untuk menjayakan projek itu nanti dan jika timbul segala hujah-hujah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab, terutamanya daripada parti-parti Pembangkang, saya tidak mahu Menteri itu menunjukkan sikap latah ataupun seolah-olah tergopoh-gopoh, dengan izin, 'guilty conscience' semacam mana berlaku baru-baru ini pihak Pembangkang telah memainkan peranan menuduh salah seorang Menteri kita dan terdapat Menteri kita itu seolah-olah begitu gopoh atau latah. Pada saya, saya lebih suka Menteri yang berkenaan apabila tuduhan-tuduhan yang tidak berasas datang, terutamanya daripada Pembangkang, supaya jangan dilayan sahaja kerana sudah menjadi adat apabila Kerajaan kita yang memerintah sudah tentu perkara apa juga yang kita fikirkan baik untuk faedah masyarakat dan khasnya rakyat jelata, akan menjadi tuduhan dan tohmahan daripada pihak-pihak Pembangkang yang ingin memerintah di dalam negara ini yang selalu mimpi di siang hari.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga mencadangkan supaya pihak Kerajaan untuk menggalakkan pihak swasta, syarikat-syarikat menjalankan projek-projek dengan begitu berhati-hati, maka sudah sepatutnya pihak Kerajaan di mana juga syarikat-syarikat yang difikirkan begitu memuaskan hati daripada pihak Kerajaan dan juga rakyat jelata, maka harus diberikan satu kepujian dan anugerah kepada syarikat itu dengan harapan supaya syarikat-syarikat yang lain akan begitu berminat dan bergiat dan juga berazam untuk menjadikan sebuah syarikat contoh di dalam menjayakan projek-projek yang diswastakan oleh Kerajaan.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan menswastakan ini adalah merupakan satu dasar yang akan memberikan peluang kepada semua pihak, di samping Kerajaan menjayakan pembangunan dan juga menjayakan apa juga kemudahan-kemudahan untuk rakyat, kita juga ingin mengenalkan atau menonjolkan di mata dunia bahawa ada juga di antara syarikat-syarikat daripada negara kita sendiri yang berkemampuan untuk membina projek-projek besar-besaran, maka tidak payah lagi kepada negara kita membawa syarikat-syarikat daripada luar negeri untuk memungut segala hasil dan memungut faedah daripada negara kita yang kita sama-sama bendung.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong penuh dan mengucapkan syabas kepada Kementerian yang berkenaan yang telah dapat menyediakan satu Rang Undang-undang yang begitu lengkap dan tersusun dengan baik dan saya berharap dengan terlulusnya Rang Undang-undang ini supaya pihak Kementerian yang berkenaan benar-benar mengawasi apa juga tindak-tanduk dan gerak-geri yang akan dijayakan oleh Kementerian itu sendiri supaya tidak ada sebarang pembocoran rahsia-rahsia daripada mana-mana pihak, terutama daripada pegawai-pegawai Kementerian itu, sendiri kepada pihak-pihak yang tidak berkenaan kerana saya terdapat laungan dan kritikan, terutamanya daripada Pembangkang seolah-olah mereka begitu faham dengan aejelas-jelasnya dan saya percaya ini kemungkinan ada pembocoran segala rahsia-rahsia, dokumen-dokumen Kerajaan di Kementerian itu sendiri, kerana apa, yang disebut itu boleh dikatakan seolah-olah tersusun dengan begitu baik satu persatu segala masalah-masalah dan perjalanan di dalam mengeluarkan atau memutuskan satu-satu tender Saya berharap Kementerian Pengangkutan yang mana terletaknya Pelabuhan Bintulu ini

di bawah Kementerian yang berkenaan, terutamanya kepada Timbalan Menteri yang bersama-sama kita pada petang ini dalam Dewan yang mulia ini berhati-hati supaya kita tidak mahu ada di antara yang meriipunyai sikap 'telunjuk lurus kelingking berkalt' ataupun 'duri di dalam daging' di dalam Kementerian atau Jabatan Yang Berhormat; sendiri. Jika terdapat perkara-perkara ini berlaku, saya berharap supaya satu tindakan yang tegas harus diambil kepada mana-mana juga, sama ada pegawai atau sesiapa juga yang bertanggungjawab di dalam membocorkan segala perkara-perkara, terutamanya di dalatn menentukan segala apa juga yang berkaitan dengan tender-tender Pelabuhan Bintulu ini nanti.

Tuan Yang-di-Pertua, saya juga mengharapkan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom tadi, saya bersetuju terutamanya di dalam membahas Rang Undang-undang pada petang semalam terhadap Syarikat Telekom Malaysia yang mana telah kita swastakan dan kita tidak pernah menjangka bahawa Kerajaan terpaksa menambah peruntukan untuk Jabatan itu, tetapi akhirnya kita terpaksa meluluskan satu peruntukan tambahan. Berlakunya Pelabuhan Bintulu ini nanti setelah kita swastakan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia **ini**, kita berharap tidak ada lagi bil-bil mengharapkan Dewan Negara ini meluluskan semata-mata berkaitan dengan Pelabuhan Bintulu.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap di dalam apa juga projek-projek Kerajaan yang telah diluluskan dan dibahas oleh Dewan Rakyat yang dibawa kepada Dewan Negara ini untuk mendapat kelulusan oleh Ahli-ahli Senate, saya berharap supaya Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang berkenaan supaya dapat menjawab dengan jelas, terang dan teratur daripada Ahli-ahli

Dewan Negara (Senate) ini kerana masing-masing mempunyai tugas, kami sebagai Ahli Dewan Negara melulus segala Rang Undang-undang yang telah dibahas oleh Dewan Rakyat dan bolehlah kami dianggap sebagai mewakili Duli Yang Maha Mulia di dalam Dewan yang mulia ini dan apa juga pertanyaan, kami berharap janganlah anggap bahawa kami semua ini sebagai 'rubber stamp' ataupun seolah-olah satu jawatan sebagai jawatan 'consolation post' semacam mana pernah saya tengok ada di antaranya membuat jawapan-jawapan hanya sambil lewa dan seolah-olah mereka lebih faham, lebih berpengalaman di dalam satu-satu Kementerian sedangkan mereka baru hanya sehari, dua hari duduk memegang jawatan di dalam Kementerian itu. Saya berharap sangat-sangat supaya kerjasama di antara Menteri dan Timbalan Menteri dengan Ahli Dewan Negara ini supaya dapat dieratkan agar supaya segala Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negara ini akan menjadi satu Rang Undang-undang yang menjadi faedah kepada keseluruhan, raahupun di peringkat Kementerian masing-masing dan khasnya untuk rakyat jelata di dalam negara kita yang makmur ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kita berdoa semoga Pelabuhan Bintulu ini merupakan satu pelabuhan yang terkemuka dan terkenal di negara Malaysia ini. Dengan terkenalnya pelabuhan ini nanti akan lenyaplah segala tuduhan-tuduhan dan cerita-cerita dongeng babawa kepimpinan Kerajaan yang ada sekarang merupakan satu kepimpinan yang tidak menguntungkan dan memberi faedah kepada rakyat jelata. Maka dengan terlulusnya Rang Undang-undang ini dan terbina Pelabuhan Bintulu nanti, saya percaya terutamanya rakyat Sarawak yang belum lagi faham dan belum lagi memuji atas dasar-dasar Kerajaan yang dipimpin oleh pemimpin yang ada sekarang akan di satu masa nanti "mereka juga turut memuji dan membuktikan bahawa benar-

benar Kerajaan dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah merupakan satu Kerajaan yang benar-benar sentiasa memikirkan keadaan rakyat jelata dari sentiasa memikirkan taraf hidup rakyat jelata supaya seluruh rakyat akan hidup berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dan akan merupakan sebuah negara begitu aman makmur dan bersatupadu di antara semua kaum di dalam negara ini.

Maka dengan **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pelabuhan Bintulu ini supaya dapat diluluskan di dalam Dewan yang mulia **ini**. Terima kasih.

**Tuan Tang di-Pertua:** dipersilakan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

4.00 ptg.

**Puan Law Jack Tobn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981,

Dalam hal ini, saya ingin menumpukan bahagian kepada Fasal 2 yang bertujuan memasukkan perenggan baru subseksyen (2A) kepada seksyen 5 bagi meraberi kuasa kepada Lembaga untuk melesenkan aktiviti-aktiviti pelabuhan yang didapati perlu oleh Lembaga berhubung dengan perjalanan fungsi-fungsi dan Fasal 3 yang bertujuan memasukkan seksyen baru 5A untuk memberi kuasa kepada Lembaga, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan bagi membuat apa-ape perkiraan bagi berkongsi keuntungan dan lain-lain, dengan mana-mana orang atau kumpulan -orang atau menubuhkan atau memajukan penubuhan dan pengembangan mana-mana syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan menswastakan projek ini tidak dapat dinafikan lagi ialah untuk memastikan pelaksanaan projek dijalankan dengan lancar. Walau bagaimanapun, hal ini amat bergantung kepada sesiapa projek ini ditawarkan demi menggalakkan terwujudnya masalah-masalah seperti kerugian, penyelewengan dan penangguhan projek, maka saya berharap projek ini ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor yang betul berkepercayaan dan berkebolehan.

Di samping itu adalah juga diharapkan supaya penswastaan projek ini dijalankan secara berperingkat-peringkat. Dengan itu dapatlah kita menilai pencapaian dan kejayaan projek itu, hanya dengan itu juga dapat rakyat dan negara kita untung daripada skim penswastaan ini.

Dalam pada itu saya ingin menyentuh Fasal 6 yang bertujuan memasukkan Bahagian baru XIA untuk memberi kuasa khas kepada Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan khasnya oleh Perdana Menteri dalam hal berlakunya dcurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan orang awam. Dalam keadaan seperti ini saya berharap Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa tidak menyalahgunakan kuasa dan kewibawaan mereka. Sebaliknya sekarang tindakan yang diambil itu seharusnya dilakukan dengan mengambil kira kepentingan rakyat. Dalam kata lain kepentingan rakyat jelata tidak seharusnya dikorbankan semata-mata dengan faedah sekumpulan orang sahaja.

Dalam menswastakan projek ini diharapkan rakyat tempatan iaitu penduduk-penduduk Sarawak diberi keutamaan, hanya dengan cara inilah pandangan penduduk-penduduk Sarawak dan Sabah bahawa Malaysia Barat yang mempraktikkan dasar neo-colonialism ke atas mereka dapat dikikiskan.

Di samping itu integrasi wilayah dt antara Malaysia Barat dan Malaysia Timur juga dapat mencapai satu tahap yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Ini saya ingin menyokong Rang



Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada lagi yang ingin membahas? Jikalau tidak ada, kita jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberikan jawapan.

**4.12ptg.**

**Timbalan Menteri Peangangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut membahaskan pindaan Rang Undang-undang berkaitan dengan Pelabuhan Bintulu yang telah kita bincangkan sejak semalam sehingga hari ini.

Yang pertama semalam yang telah membahaskan ialah Senator Tuan Tiong Hiew King yang telah mengalu-alukan niat baik Kerajaan Barisan Nasional dan juga berharap rakyat Sarawak dapat faedah dalam usah-usaha penswastan kbususnya meminta supaya syarikat-syarikat dari Sarawak diberi keutamaan dan juga berharap bahawa pekerjaan yang diwujudkan diberikan kepada rakyat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan belum lagi ingin menswastakan Pelabuhan Bintulu dan Pelabuhan Bintulu sedang beroperasi dan serta mendapat untung. Pindaan ini dtbuat adalah hanya untuk membolehkan pihak Kerajaan apabila perlu kemudian nanti menswastakan maka peruntukan perundangan sudah pun ada dan tidak payahlah kita tergesa-gesa datang semula ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk

meminta kebenaran kerana Rang Undang-undang ataupun Akta-akta Pelabuhan-pelabuhan yang telah sayn sebutkan semalam telah pun dipinda dengan perkara-perkara yang berkenaan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyebut mengenai memberi keistimewaan kepada rakyat Sarawak. Sebenarnya dalam operasi Pelabuhan Bintulu sekarang ini pekerja-pekerja yang diberikan pekerjaan di dalam operasi .Pelabuhan Bintulu 90% daripadanya adalah anak Sarawak, hanya 10% daripada Semenanjung dan lain-lain tempat. Mungkin ada di antaranya daripada luar negeri.

Mengenai pemilihan syarikat-syarikat semasa penswastaan,memanglah menjadi dasar Kerajaan mengkaji dengan teliti dan memilih yang paling baik untuk seraua kerana dalam pemilihan, kita akan mengambil kira semua faktor yang diperlukan untuk menentukan bahawa sesuatu usaha penswastdan itu mendatangkan faedah. Dan juga satu-satu pelabuhan memanglah diharapkan dengan kegiatan downstream, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dapat memajukan kawasan-kawasan pendalaman di kawasan sekitar pelabuhan itu dan dengan itu akan dapat lebih mewujudkan pekerjaan.

Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah, saya juga mengucapkan terima kasih atas sokongan beliau kepada pindaan Rang Undang-undang ini. Beliau menyatakan bahawa belanja telah begitu besar dan berharap juga bahawa faedah terdapat kepada rakyat dan apabila pengswastaan dijalankan dapatlah khidmat yang lebih cemerlang. Memanglah itu yang dikehendaki oleh Kerajaan apabila menjalankan penswastaan. Bahawa ianya akan mengurangkan beban-beban kewangan kepada Kerajaan dan di samping itu mendapat faedah daripada cukai dan sebagainya daripada peluang-peluang pekerjaan yang boleh diberikan kepada rakyat.

Pelabuhan Bintulu dalam operasinya sekarang ini memang mendapat keuntungan dan oleh kerana itu pada ketika ini memanglah Kerajaan belum berhasrat untuk mengswastakannya. Untuk pengetahuan Dewan ini, saya inginlah menyatakan bahawa keuntungan yang telah didapati oleh Pelabuhan Bintulu sejak operasinya pada tahun 1983; hanya pada tahun 1983 itu sahaja ianya mengalami kerugian sedikit disebabkan itu adalah tahun operasi dan kerugian hanya sebanyak \$3.04 juta. Selepas itu :

<b>Tahun</b>	<b>Keuntungan</b>
1984	\$ 15.17 juta
1985	41 juta
1986	39.92 juta

Dari segi khidmat cemerlang ini tadi, saya inginlah meyakinkan Dewan ini bahawa satu percubaan telah dilaksanakan dengan penswastan Khidmat Kontena Pelabuhan Kelang sehingga hari ini kita dapati ianya memuaskan.

Mengenai harapan bahawa Feri Malaysia singgah di Bintulu; sebenarnya Peri Malaysia adalah kepunyaan Perbadanan Nasional Shipping Lines (PNSL), Ruat masa ini Bintulu belum lagi dikenal pasti sebagai pelabuhan persinggahan oleh PNSL. Walau bagaimanapun saya percaya PNSL sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa pelabuhan persinggahan yang baru. Dan jika didapati projek Ini viable saya percaya PNSL akan memulakan perkhidmatannya ke Pelabuhan Bintulu. Itu terpulanglah kepada kajian dan tindakan PNSL sendiri.

Yang Berhormat Tuan Hassan Alban telah mengingatkan iaitu berkaitan dengan perkara penswastan ini, beliau meminta supaya kita mengambil pelajaran daripada apa yang telah dialami oleh STMB dan supaya mengelakkan kelemahan-kelemahan. Saya mengucapkan terima kasih atas ingatan itu kerana memanglah seperti saya kata tadi Kerajaan akan sentiasa mengkaji dengan teliti dan mengambil kira segala implikasi dan apabila kita membuat sesuatu keputusan kita hendakkan supaya ianya adalah keputusan yang terbaik dan semua pihak akan diberi peluang mendapat tawaran dan pilihan akan dibuat berasaskan tawaran yang dikemukakan oleh satu-satu syarikat ataupun satu-satu pihak itu. Beliau juga menyebut mengenai adanya implikasi politik. Pada pendapat saya dan juga saya rasa Kerajaan lazimnya tidak mempoliticisekan satu-satu projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Mungkin ada pihak-pihak yang mempoliticisekaniya tetapi saya sangat-sangat berharaplah bahawa kita di pihak Kerajaan moga-moga tidak ada perkara ini berlaku. Dan mengenai Kerajaan supaya

jangan lepas tangan, memang Kerajaan sentiasa bertianggungjawab dalam apa juga yang dilaksanakannya dan mudah-mudahan perkara ini tidak akan berlaku.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom telah juga memberikan sokongan dan saya mengucapkan terima kasih dan telah bercakap begitu panjang lebar di bawah tajuk pindaan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu. Tetapi banyak daripadanya tidak berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Pengangkutan, saya tidak akan jawablah perkara-perkara yang tidak ada kaitan itu. Tetapi saya inginlah menjawab mana-mana yang berkaitan iaitu kata-kata Yang Berhormat itu mengenai barangan-barangan yang dieksport dan yang diimport itu memang benarlah. Memang banyak, barangan utama yang dieksport dan diimport melalui Pelabuhan Bintulu yang dikendalikan tiap-tiap hari. Saya inginlah menyatakan bahawa:

Tahun	KargoLNG (Ton)	Bukan LNG (Ton)
1983	1,382	2,762
1984	3,531	3,103
1985	4,473	3,411
1986	5,315	3,180

Tuan Yang di-Pertua, itu tonnage yang dikendalikan melalui Pelabuhan Bintulu ini sahaja membuktikan ianya dari satu masa ke satu masa meningkat. Dan barang-barang yang diimport dan dieksport itu adalah barang-barang memang menjadi barang-barang keperluan utama. Yang dieksport misalnya gas asli cecair, minyak mentah, ammonia, urea, kayu balak, pasir silica dan minyak sawit. Yang diimport pula adalah barang-barang pengguna, bahan-bahan binaan seperti simen, bitumen, besi keluli dan lain-lain.

Mengenai beliau katra apabila ada satu kegiatan pelabuhan habis-mata pencarian orang-orang di sekitar dau sebagainya; ini kadangkala memanglah tidak dapat dielakkan tetapi dengan adanya pula pembangunan pelabuhan dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengannya di sekitar kawasan pelabuhan, ianya akan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di mana ianya dapat mengganti mata pencarian yang telah hilang iaitu mata pencarian tradisional bagi penduduk-penduduk yang berdekatan.

Sebenarnya rational penswastaan telah meringankan beban kewangan Kerajaan, mendapatkan khidmat yang cemerlang, faedah yang banyak kepada Kerajaan dan juga kepada rakyat. Itulah national penswastaan dan kita yakin bahawa bila ianya kelak dilaksanakan perkara-perkara ini akan dapat dinikmati.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom juga bertanya kenapa katanya akhir-akhir ini kurang kapal singgah. Tetapi angka yang ada pada saya iaitu berkaitan dengan kapal-kapal yang singgah yang bersabit: dengan LNG adalah, seperti berikut;

Tahun	Bilangan Kapal Yang Singgah
1983	25 buah
1984	62 buah
1985	75 buah
1986	93 buah
1987(hingga Mei)	45 buah.

Ini bererti ianya meningkat dari setahun ke setahun. Tanya bertambah. Ini tidaklah benar mengatakan bahawa semakin kurang kapal singgah. Mungkin agaknya dari segi kapal yang membawa kargo bukan LNG, ada berkurangan sedikit iaitu dibandingkan daripada tahun 1983, 1984, 1985 dan 1986 ianya memang ada berkurangan. Jadi, mungkinlah sebabnya juga seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri ialah kemelesetan ekonomi. Kerana barang-barang bukan LNG ini tadi seperti yang saya sebut ialah barang-barang pengguna, bahan-bahan binaan seperti simen, bitumen, besi keluli misalnya. Jadi, oleh kerana kegiatan ekonomi agak menurun sedikit maka bahan-bahan ini tidaklah banyak dibawa keluar dan masuk. Jadi itulah sebabnya.

Berkaitan dengan grant kepada pelabuhan ini, Kerajaan nanti akan diminta supaya memberikan grant atau bagaimanakah cara harta yang \$112 juta kata beliau akan dikendalikan dan sebagainya. Perkara-perkara ini semuanya akan dikaji dan diteliti serta akan disyaratkan apabila penswastaaan sebenarnya akan dilakukan kelak. Jadi, pada peringkat kita pada hari ini yang meluluskan Rang Undang-undang ini tidak berbangkitlah perkara-perkara yang dipersoalkan **itu**. Ianya akan dibincangkan dengan teliti apabila perkara itu timbul nanti semasa benar-benar kita hendak melaksanakan penswastaaan.

Mengenai integrasi nasional, Yang Berhormat juga serta Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon ada menyebut mengenai integrasi nasional. Memang kita berharap bahawa apa juga kegiatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan dapat memupuk integrasi nasional.

Tetapi saya dapati bahawa ada juga pihak yang begitu berasa sensitif apabila Kerajaan Persekutuan melaksanakan sesuatu projek di salah sebuah negeri dalam Malaysia di Malaysia Timur. Tetapi saya berharaplah perkara-perkara seperti ini tidak timbul dan tidak dijadikan soal oleh mana-mana pihak kerana hasrat Kerajaan mewujudkan Pelabuhan Bintulu di Sarawak misalnya adalah untuk membantu membangunkan negeri itu.



Seperti saya sebutkan tadi iaitu apabila terbinanya sebuah pelabuhan maka sudah tentulah kegiatan-kegiatan downstream, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat memajukan kawasan di persekitaran pelabuhan tersebut. Jadi dengan itu kita berharap bahawa Kerajaan Persekutuan dapat membantu rakyat di negeri tersebut. Dengan itu, kita harap integrasi nasional akan dipupuk dan akan berterusan.

Beberapa komen daripada Yang Berhormat Senator Azman adalah sebagai ingatan kepada pihak Kerajaan sekiranya pelabuhan ini diswastakan. Tetapi beliau menyebutkan apabila pelabuhan ini terbina, sebenarnya ianya sudahpun terbina dan sudah beroperasi sejak tahun 1983. Maksud penswastakan yang kita pinta ini ialah untuk membolehkannya bila-bila masa kemudian kelak supaya apa juga aktiviti dalam sekitar pelabuhan itu boleh diswastakan. Pelabuhan Kelang tidak diswastakan seluruhnya, hanya kbidmat kontenanya sabaja yang baru diswastakan. Jadi perkara ini akan dikaji satu persatu apabila didapati ianya sangat-sangat perlu baharulah ianya dilakukan. Jadi pada ketika ini saya rasa mengenai penswastakan ini belum lagilah dihasratkan oleh Kerajaan dan teguran-teguran dan pandangan-pandangan beliau itu menjadi ingatan kami, terutama di Kementerian dan juga kepada pihak Kerajaan yang menyebutkan mengenai perkara penyelewengan, dan juga perkara-perkara yang berkaitan yang memerlukan atau meminta kerjasama di antara Menteri, Timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai Kerajaan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara, memanglah kami di pihak Kerajaan berbuat demikian, Cuma kita minta juga kalau sekiranya ada apa-apa perkara yang patut ditegur, yang patut ditarik perhatian Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat semua,

sudilah kiranya menghubungi pihak Kerajaan di mana peringkat jua agar perkara ini dapat kita selesaikan bersama, kerana tanggungjawab ini adalah. tanggungjawab kita bersama, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat juga adalah pemimpin-pemimpin politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang sama-sama bertanggungjawab menentukan bahawa Kerajaan yang kita dokong hari ini mencapai kejayaan yang kita kehendaki.

Yang Berhormat Senator Law Tack Yoon telah menyebut mengenai. fasal-fasal yang dimasukkan iaitu memberi kuasa kepada pihak Yang Berhormat Menteri, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membolehkan mengambil tindakan sekiranya dalam keadaan darurat, iaitu satu kuasa khas yang diberikan dan mengingatkan juga supaya kuasa ini tidak disalah gunakan dan mereka yang menjalankan tugas-tugas ini mempunyai kewibawaan. Perkara itu memang dalam perhatian, dalam tindakan, dalam ingatan pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan sentiasa mengawasi bahawa setiap kakitangannya dan pegawai-pegawainya akan menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi, dengan khidmat yang baik dan ,cemerlang dan menda-tangkan faedah yang banyak kepada rakyat selurunya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ulasan atas pandangan-pandangan yaag telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kerajaan dan insya Allah kita akan dapat melaksanakan tugas bersama-sama hingga berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**)

**Fasal 1 hingga 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN)

##### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 4.28 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dibacakan kali kedua sekarang.

Tujuan untuk mengadakan pindaan ini kepada Akta Penerbangan Awam 1969 ialah bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang membolehkan Kerajaan melaksanakan penswastaaan di masa hadapan bagi Jabatan Penerbangan Awam sama ada secara menyeluruh ataupun secara terhad untuk aktiviti-aktiviti tertentu sahaja.

Peruntukan-peruntukan pindaan yang dicadangkan adalah bagi membolehkan Kerajaan melibatkan pihak swasta dalam pengurusan aktiviti-aktiviti tertentu Jabatan Penerbangan Awam. Penyertaan pihak swasta ini boleh diadakan di dalam berbagai bentuk iaitu seperti memberi lesen kepada mana-mana pihak untuk mengusahakan mana-mana aktiviti Jabatan Penerbangan Awam ataupun mengadakan aturan perkongsian dengan mana-mana pihak yang berminat.

(Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**)

Pada masa ini Akta Penerhangan Awam 1969 tidak mengandungi peruntukan spesifik yang membolehkan Kerajaan melaksanakan pen-swastaan. Seajar dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan penyer-taan pihak swasta didalam berhagai aktiviti Jabatan dan agensi Kerajaan, adalah perlu tindakan diambil bagi mewujudkan peruntukan-peruntukan yang membolehkan di dalam Akta ini ataupun enabling clauses, Pindaan-pindaan yang dikemukakan adalah bagi tujuan mewujudkan peruntukan perundangan bagi Akta tersebut untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan peuswastaan dan akan merangkumi aspek-aspek berikut:

- (i) Memberi kuasa terus kepada Yang Berhormat Menteri membenarkan atau memberi lesen kepada mana-mana orang atau syarikat untuk menjalankan atau mengambil alih aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Penerbangan Awam-

- (ii) memberi kuasa kepada Jabatan Penerbangan Awam menceburi dalam apa-apa aktiviti perkiraan berkongsi, keuntungan, usahasama dan kerjasama dengan mana-mana orang atau syarikat dan juga untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965;
- (iii) orang atau syarikat yang telah diberi kuasa atau diberi lesen tersebut hendaklah memperolehi persetujuan Yang Berhormat Menteri, sebelum membuat apa-apa perubahan dalam segala bayaran yang ada ke atas perkhidmatan yang dilesenkan itu;
- (iv) memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk membuat pelupusan tanah-tanah yang diberi milik kepada Persekutuan, kepada pihak-pihak swasta yang berkenaan untuk digunakan bagi maksud-maksud Persekutuan selaras dengan peruntukan Perkara 86 Perlembagaan; dan memberi kuasa khusus kepada Vang Amat
- (v) Berhormat Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa khusus olehnya untuk mengambilalih aktiviti yang telah dilesenkan kepada pihak swasta apabila berlakunya darurat atau bagi kepentingan keselamatan awam dan untuk tujuan pengambilalih tersebut, pampasan yang munasabah akan dibayar.

Pindaan-pindaan untuk memasukkan peruntukan penswastaaan di dalam Akta tersebut adalah untuk menentukan bahawa pihak Kerajaan mempunyai perundangan yang sah apabila melaksanakan rancangan penswastaaan. Adalah perlu diterangkan di sini bahawa perbekalan-perbekalan penswastaaan yang dicadangkan itu adalah merupakan cadangan, dengan i.zin, enabling clause sahaja untuk digunakan apabila Kerajaan telah membuat keputusan untuk menswastakan Jabatan Penerbangan Awam ataupun mana-mana aktiviti. Jabatan tersebut.

Selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan bagi rancangan penswastaaan, Jawatankuasa Penswastaaan yang diwujudkan di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri akan terus menyelaras semua cadangan mengenai penswastaaan dan hanya setelah keputusan diperolehi Jawatankuasa tersebut, maka Menteri Pengangkutan dan badan-badan yang berkenaan itu akan menggunakan kuasa di bawah peruntukan-peruntukan yang dicadangkan itu bagi tujuan melaksanakan keputusan Kerajaan bagi penswastaaan tersebut.

Dengan adanya peruntukan sedemikian, rancangan Kerajaan mengenai penswastaaan akan dapat dikendalikan dengan lebih licin dan berkesan kerana peruntukan-peruntukan perundangan yang menyokong langkah tersebut sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai;** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dibacakan kali. yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar Haron.

**4.33 ptg.**

**Tuan Haji Jaafar bin Haron:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam, 1969 yang mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1987 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kenderaan penerbangan ini memanglah satu kenderaan laluan yang penting dari segi perjalanan, pengembaraan atau pengangkutan, bahkan dalam masa peperangan pun lebih lagi pentingnya menggunakan penerbangan untuk mencapai matlamat atau kejayaan mereka. Oleh itu memang sepatutnyalah Kerajaan kita mengemukakan pindaan Rang Undang-undang Penerbangan Awam ini bagi tujuan keselamatan negara dan rakyat kita terutama sekali jika berlaku darurat kerana di zaman negara sedang membangun ini, di zaman rakyat bangun berlumba-lumba ini, dan juga di zaman sains dan teknologi ini, berkemungkinan nanti ada syarikat-syarikat ataupun orang perseorangan yang akan menjalankan syarikat-syarikat penerbangan pula sama ada dalam negeri ataupun menjalankan perkhidmatan sehingga ke luar negeri.

Oleh itu saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan kerana telah mengemukakan pindaan Rang Undang-undang ini bagi mengawal dan mengadakan panduan bagi kenderaan, pengangkutan penerbangan awam ini supaya rakyat yang akan menggunakan penerbangan kelak tidak membayar tambang vane terlalu tinggi ataupun lain-lain kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman sekarang ini Jabatan Penerbangan Awam adalah di bawah pentadbiran Kerajaan boleh dikatakan 100%. Jadi, semua pembayaran-pembayaran sama ada tentang kadar sewa atau sewa pendaratan, pembayaran perbatuan udara atau apa yang dikatakan permaliman udara, semuanya ini ditentukan oleh Kerajaan kita. Jadi, melalui proses atau cara yang ada ini mungkin kalau dibawa dalam perniagaan agak mendatangkan keuntungan yang agak lambat sedikit kita terima, kerana di dalam cara sekarang ini. ada kapal-kapal terbang kebanyakan tidak membayar apa-apa sewa pendaratan seumpama dalam bahagian Jabatan-jabatan Kerajaan kita, dalam Pasukan Polis ataupun askar. Jadi, sudah tentulah dengan adanya penswastan akan datang ini Kerajaan kita akan dapat hasil yang lebih banyak lagi kerana semua kapal-kapal terbang yang keluar masuk ke mana-mana lapanganterbang di dalam negara kita ini. tentulah membayar apa-apa perkhidmatannya. Jadi dengan penswastan itu kelak mungkin segala perkhidmatan penerbangan dan juga semua projek-projek yang mendatangkan keuntungan boleh diadakan dalam masa yang tidak berapa lama.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita perlu menggariskan beberapa dasar yang penting khusus untuk keselamatan orang awam dari segi lalulintas ruangan udara kita. Ini hendaklah di bawah kuasa Kerajaan kita 100%, tidak boleh diberi kuasa kepada syarikat yang berkenaan. Kerana keselamatan ruang udara ini kita tidak berkehendakkan seperti yang berlaku di negara-negara luar ia-itu ada peristiwa buruk terjadi, ada kapal terbang yang berlanggar di udara. Jadi, kita rakyat Malaysia ini patutlah bersyukur kepada Tuhan kerana keadaan lalulintas ruang udara negara kita Malaysia ini sejak wujudnya Jabatan Penerbangan Awam sehinggalah ke hari ini, mudah-mudahan berada di dalam keadaan selamat dan tidak berlaku pelanggaran kapal terbang.



Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sudah sepatutnyalah saya mengucapkan tahniah dan terima kasih penghargaan terutama kepada Ketua Pengarah Penerbangan Awam dan semua pengawal lalulintas udara kerana telah menjalankan perkhidmatan yang baik dan cemerlang. Demikian jugalah kepada Menteri. Pengangkutan Kementerian yang berkenaan sama ada Menteri yang dahulu dan juga Menteri yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Jabatan Penerbangan Awam ini akan menuju kepada penswastan kelak, suka juga saya memberi pandangan jika sekiranya Kerajaan hendak menswastakan Jabatan ini hendaklah Kerajaan meneliti terlebih dahulu sebanyak mana bahagian-bahagian atau perkara-perkara diswastakan dan apa-apakah ruang-ruang yang perlu dilepaskan kepada swasta. Saya fikir ada ruang-ruang atau bahagian-bahagian yang tidak boleh dilepaskan kepada swasta, seumpama harta Penerbangan Awam misalnya, sama ada harta tanah ataupun pejabat-pejabat penerbangan. ini hendaklah dipegang oleh Kerajaan kerana ianya ada hubungan dengan masyarakat di sekeliling lapanganterbang terutama berhubung dengan kehidupan seharian masyarakat di sekelilingnya. Jika sekiranya tempat itu juga diswastakan, maka Kerajaan hendaklah perlu menggariskan undang-undang mengenai apa-apa projek yang perlu dibuat dalam kawasan mereka supaya tidak menjejaskan kehidupan rakyat jelata di sekelilingnya.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Jabatan Penerbangan Awam hendak diswastakan, maka pandangan saya hendaklah Kerajaan mengambil semua sekali lapanganterbang dalam negara kita ini mesti diswastakan. Kita tahu dalam Semenanjung ini, daripada 9 buah lapanganterbang itu hanya 2 buah sahaja lapanganterbang kita

yang menguntungkan, lapangan terbang yang lain itu tidaklah sedemikian. Jadi., janganlah lapangan terbang yang menguntungkan itu sahaja diswastakan, sedangkan yang lainnya tidak. Kerana jika satu dua lapangan terbang itu sahaja diswastakan, maka Kerajaan kita terpaksa memikul beban bagi menyelenggarakan lapangan terbang yang lain, seperti umpamanya di Melaka, Johor Bahru ataupun Ipoh dan lain-lain lagi. yang senantiasa menggunakan perbelanjaan operasi yang tinggi. jika dibandingkan dengan hasil yang didapati.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara luar umpama di Eropah, Amerika, Arab dan sebagainya, di negara itu ada syarikat-syarikat yang menubuhkan beberapa lapanganterbang sendiri. untuk tujuan barangkali membantu galakan industri pelanconganya. Walaupun perniagaan itu belum berlaku dalam negara kita ini tetapi tidak mustahil akan wujud. Jadi inipun Kerjaan perlu juga berhati-hati jika sekiranya ada pernuntaan-permintaan sama ada daripada orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat yang hendak menubuhkan syarikat penerbangan sendiri kerana ini mungkin akan menjejaskan syarikat penerbangan swasta yang mengendalikan lapanganterbang sendiri, Dan jika terpaksa juga Kerajaan membenarkan hendaklah diadakan satu undang-undang atau perjanjian yang mesti dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya sebagaimana yang kita maklum dalam negara kita ini di beberapa Negara semua telah ada mempunyai landasan terbang kecil dan saya tahu dan saya faham hanya di Negeri Sembilan sahaja yang belum ada, oleh kerana itu saya suka menyarankan kepada Menteri yang berkenaan supaya memberi perhatian dan pertimbangan untuk mewujudkan landasan terbang kecil umpamanya di Seremban. Saya faham penduduk Negeri sembilan ini boleh pergi ke Kuala Lumpur ataupun ke Melaka jika mereka berhajat hendak mengembara dengan kapalterbang tetapi kita mesti ambil kira dari bersimpati dengan rakyat di luar bandar untuk memberi kemudahan-kemudahan, untuk bersiar-siar membawa anak-anak mereka, orang-orang kampung yang berhajat. menaiki kapalterbang. Jadi, saya fikir tentulah Kerajaan kita tidak mengabaikan pula hasrat penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

**Datuk Haji Abang Ahmad Urai:** Yang Berhormat Tuan Sivalingam.

**4.42 ptg.**

**Tuan K. Sivalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam.

Saya ingin membangkitkan satu perkara yang mustahak mengenai projek pembesaran Lapanganterbang antarabangsa Subang yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Penerbangan Awam selaras dengan keputusan mesyuarat Kabinet dalam tahun 1979. Mengikut feasibility study yang telah diadakan oleh Perunding saya difahamkan bahawa runway atau landasan yang sedia ada pada masa sekarang akan digantikan dengan satu parallel runway atau replacement runway dan satu landasan baru atau second runway akan dibina untuk membolehkan satu lapanganterbang baru yang bertaraf dengan atau lebih besar daripada Lapanganterbang Changi yang diadakan di Subang. Saya mengalu-alukan projek ini kerana ianya selaras dengan perkembangan pembangunan negara keseluruhannya tetapi projek pembesaran ini bukan sahaja melibatkan kos yang besar tetapi juga urusan-urusan pentadbiran dan urusan-urusan kemanusiaan.

Projek pembesaran ini akan melibatkan bukan sahaja pengambilan tanah-tanah yang diduduki oleh tuanpunya tanah berdaftar tetapi juga tanah-tanah kepunyaan Jabatan Penerbangan Awam yang diduduki oleh setinggan-setinggan. Saya berharap usaha-usaha pengambilan tanah akan dijalankan dengan adil dan tanah yang diambil akan digantikan dengan tanah juga di satu kawasan yang sesuai, dan penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat akan dijalankan berperingkat-peringkat dan tidak akan melibatkan kesusahan kepada mereka yang

terlibat Saya juga berharap masalah kemanusiaan akan diberi keutamaan dan kesusahan mereka yang terlibat boleh dielakkan. Dalam pada itu, saya merayu kepada Jabatan Penerbangan Awam untuk memindahkan setinggan-setinggan yang menduduki di kedua kawasan B dan C dengan segera untuk membolehkan kerja-kerja pembangunan Jabatan Penerbangan Awam dilaksanakan. Seperti pihak Jabatan Penerbangan Awam sedia maklum, kawasan B dan C mengandungi Kampung Lembah, Kampung CEB dan Kampung Subang dan rumah-rumah setinggan berjumlah lebih kurang 300 buah.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan ini, dalam tahun 1982 lebih kurang 150 orang setinggan dari kawasan A telah dipindahkan ke rumah murah yang telah dibina di Kampung Subang. Pada masa ini, 150 unit rumah daripada rancangan tersebut yang berjumlah 281 unit diberi kepada setinggan dari kawasan Jabatan Penerbangan Awam dan bakinya diberi kepada penduduk-penduduk Kampung Subang dan sekitarnya yang layak kerana rumah-rumah tersebut di rancang adalah bertujuan untuk faedah orang-orang karapung dan setinggan-setinggan Jabatan Penerbangan Awam.

Sebenarnya pihak Jabatan Penerbangan Awam telah memberi sumbangan kepada Kerajaan Selangor untuk membolehkan pengambilan tapak-tapak yang dikehendaki untuk tujuan tersebut. Rancangan tersebut merupakan satu joint-venture oleh Jabatan Penerbangan Awam dan Kerajaan Selangor tetapi malangnya dalam fasa atau peringkat 2 rancangan tersebut setinggan-setinggan dari kawasan Jabatan Penerbangan Awam tidak diberi peluang lagi dan semua rumah-rumah murah yang akan disiapkan dalam fasa 2 akan diberikan kepada penduduk-penduduk di Kampung Subang dan yang berhampiran sahaja, ini bermakna setinggan-setinggan yang menunggu selama 5 tahun untuk rumah murah

Saya berharap pihak Jabatan Penerbangan Awam akan memberi pertimbangan yang sewajarnya atas keperluan ini. dan saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Yang Berhormat Tuan Hassan Alban. Persilakan.

#### **4.51 ptg.**

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan berkenaan dengan Akta Penerbangan Awam (pindaan) 1967.

Seperti Akta-akta yang telah dikemukakan pada hari semalam, Akat kali ini juga bertujuan dipinda untuk bersedia diswastakan Jabatan Penerbangan Awam. Tidak pula ditetapkan bahagian-bahagian mana yang akan diswstakan, cuma telah disebut aktiviti-aktiviti tertentu yang akan diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman di Sabah di mana perhubungan di antara bandar di Sabah itu hanya terbuka melalui lapangan terbang maka saya rasa perkara ini harus diambil, perhatian sebelum apa-apa tindakan penswastakan diambil.

Kalau andai kata penyerahan perlu juga diadakan atau telahpun dikenalpasti bahagian-bahagian mana yang wajib atau patut diswastakan, maka keutamaan mestilah diberikan terlebih dahulu kepada MAS - Sistem Penerbangan Malaysia yang ada sekarang ini. di mana telah bekerjasama dengan DCA semenjak ianya ditubuhkan beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di untuk mengemukakan beberapa persoalan yang ada kaitannya dengan keselamatan negara.

Seperti yang kita ketahui ruang angkasa kita ini ataupun lapangan-lapangan terbang ini adalah pintu masuk, satu daripada

pintu-pintu masuk dan keluar daripada negara, maka sebab itu soal keselamatan ini harus diteliti sebelum apa-apa tindakan diambil untuk menswastakan DCA - Jabatan Penerbangan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menjadi Pegawai Daerah pada tahun 1978 di Sandakan, ada satu kejadian di mana seorang warga-negara asing telah ditangkap oleh polis dan setelah disiasat beliau membawa filem gambar udara, apa yang berlaku dalam daerah Sandakan. Ini cuma satu contoh bagaimana keselamatan kalau tidak dikawal dari segi udara ini akan menjejaskan keselamatan negara.

Pada masa itu perkara ini amat hangat dibahas, walaupun hanya di kalangan pegawai-pegawai kerana Malaysia pada waktu itu dituduh walaupun tidak berasas tuduhan ini, kononnya membantu pejuang-pejuang Moro dari Filipina. Maka filem telah didapati dalam poket atau kocek seorang warganegara asing di Lapanganterbang Sandakan. Saya mengetahui masalah ini kerana seperti juga di Semenanjung, seorang Pegawai Daerah itu Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Daerah.

Selain daripada itu, banyak berita kita dengar sana-sini di Sabah di mana dadah-dadah diseludup melalui pintu udara ini kerana ada di antara lapangan-lapanganterbang kecil ini seperti di Semporna, Kudat, di mana pengawalannya tidak begitu rapi, maka saya rasa dari sini ada ruang untuk penyelewengan, walaupun ada kemungkinan. Sebab itu di Sabah kalau ada penswastaan berkenaan dengan Jabatan Penerbangan Awam ini harus dibuat kajian menyeluruh terutama dari segi keselamatannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapat berita - saya harap berita ini tidak betul - yang mengatakan kononnya ruang angkasa Malaysia limpas 40,000 kaki ke atas pengawalannya bukan dibuat oleh

negara kita, tetapi dibuat di Singapura. Saya tidak tahu sama ada betul atau tidak, tetapi Menteri berkenaan boleh menerangkan lebih lanjut di Dewan yang mulia ini kerana selepas 30 tahun merdeka seharusnya kita sudah bebas macam burung, tidak lagi udara kita dikongkong oleh negara lain. Dari segi keselamatan perkara ini adalah tidak baik kalau betul, kerana umpamanya kalau kita diserang oleh orang-orang dari udara dengan menggunakan kapalterbang, pesawat-pesawat jet penyelamat ini, kita tidak mengetahui terlebih dahulu melainkan orang di Singapura lebih tahu dari kita. Kalau perkara ini betul, mintalah Kerajaan membetulkan keadaan ini kerana keselamatan adalah satu perkara yang tidak boleh bertolak-ansur kerana kalau kita sudah kena baru sedar kita akan menjadi hamba seperti yang kita lihat di, Afghanistan dan Vietnam Selatan. Jadi, sebelum apa-apa kejadian, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri berkenaan untuk menjelaskan, mudah-mudahan tuduhan orang ini tidak betul, merupakan cakap-cakap khabar-khabar angin, kata orang.

Selain daripada itu, di Dewan yang mulia ini saya ingin mengemukakan beberapa kejadian yang berlaku di Sandakan kira-kira beberapa tahun atau pun bulan dahulu di mana saya rasa wajiblah dibawa kepada pengetahuan Kementerian berkenaan.

Pertama ada seorang pekerja lapanganterbang Bahagian Keselamatan di Sandakan yang telah dilantik menjadi khatib pada sebuah surau di Kampung Tinusa, Sandakan. Pada suatu hari beliau ini tidak dapat datang untuk memberikan khutbah kerana menurut beliau, beliau telah disekat datang oleh majikan (bossnya) seorang sarjan. Lantas saya mengambil surat, menulis secara rasmi dengan menggunakan letter-head Parlimen dan beberapa jam kemudian telah dijawab Dukacita, dia bilang, tidak boleh.



Orang kampung marah, Tuan Yang di-Pertua, satu Jabatan Kerajaan yang dikatakan telah mengamalkan penerapan nilai-nilai Islam, suatu Jabatan Persekutuan menghalang seorang kakitangannya untuk berkhotbah Jumaat satu kali dalam satu minggu pun dia tidak boleh beri, satu perkara yang mengaibkan.

Saya harap perkara ini akan diambil tindakan dan diberikan arahan kepada semua Jabatan-jabatan di bawah DCA supaya sesiapa juga kakitangan mereka Islam terutamanya yang memegang jawatan dalam masjid-masjid, yang menjadi imam sementarakah ataupun menjadi khatib dibenarkan untuk memimpin jemaah pada hari Jumaat.

Kejadian yang kedua berlaku kira-kira setahun dahulu di mana saya ingin menggunakan kemudahan VIP Room di Sandakan tetapi pegawai berkenaan tidak membenarkan saya masuk.

Sedangkan di sini di Kuala Lumpur, bila-bila masa kalau kita mengeluarkan kad kita, kita di-terima masuk tetapi bandar kecil macam Sandakan seakan-akan saya seorang asing. Orang Putih dia bagi masuk pula. Perbuatan yang tidak sopan ini tidak seharusnya berlaku. Ini merupakan satu penghinaan kepada Ahli-ahli. Dewan Negara ini.

Di masa-masa yang akan datang, saya berharap perbuatan seperti ini tidak akan berlaku lagi dan penyiasatan harus dijalankan supaya satu arahan akan dikeluarkan di mana amalan yang ada di Kuala Lumpur ini akan diteruskan, disamaratakan sampai ke Semporna, Tawau, Sandakan, Lahad Datu dan sebagainya. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah, silakan.

5.01 ptg,

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini iaitu suatu Akta bernama Akta untuk meminda Akta Awam 1969 dan saya ingin menyambung sedikit kerana apa yang saya hendak perkatakan telah disebut oleh rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini. Cuma saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan tujuan Kerajaan meminda Akta Penerbangan Awam ini adalah disokong kerana apa juga yang dipinda itu adalah bertujuan untuk pembangunan negara khususnya dalam aspek penerbangan awam.

Kita telah mendengar bahawa beberapa buah negara yang telah maju telah berjaya menjadikan penerbangan udaranya sebagai yang terpenting dan murah kepada rakyat di negara mereka. Orang awam boleh menaiki kapal udara pada bila-bila masa sahaja sama seperti menaiki bas dengan bayaran yang murah untuk pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Oleh itu pihak Kerajaan kita mulai hari ini perlu menyusun program-program mengenai penerbangan awam secara positif untuk lima tahun yang akan datang. Alangkah baiknya rakyat Malaysia dengan tidak payah lagi berlumba-lumba di lebuhraya dan membayar tol-tol yang banyak seperti yang ada sekarang.

Kita yakin Malaysia akan sampai ke tahap itu nanti di mana dari Johor ke Melaka atau dari Kuala Lumpur ke Utara boleh menggunakan kapal udara ataupun penerbangan awam dengan mudah dan selesa, juga dengan tujuan-tujuan pelancongan iaitu pelancong dari luar negeri yang mana negara kita ini akan dijadikan negara pelancongan, khususnya negeri Melaka akan dijadikan negeri pelancongan yakni dengan adanya bandar bersejarah yang akan diwujudkan.

Jadi, dari satu tempat pelancongan ke satu tempat pelancongan yang lain kita boleh menggunakan penerbangan udara yang kecil-kecil dan pembinaan lapangan-lapanganterbang yang kecil-kecil hendaklah diperbanyakkan lagi. Contohnya di sini, dari Melaka misalnya dari 'Mini-Malaysia' boleh kita terbang ke Gunung Ledang ataupun ke kaki. Gunung Ledang di tempat air terjun, dari Gunung Ledang kita boleh pergi ke Pulau Tioman dan dari Pulau Tioman kita boleh pergi ke Lumut dan balik ke Pulau Besar, ke Melaka, balik pula ke Pulau Langkawi dan balik pula ke Pantai. Timur dan kita boleh mengembara dalam satu-dua hari untuk tujuan pelancongan. Jadi, ini boleh

menambahkan hasil negara yang pesat dan banyak dari segi sudut kewangan tetapi dalam apa juga bentuk pun sama ada pelancong-pelancong yang datang, tujuan yang terpenting seperti apa yang diperkatakan oleh rakan saya sebentar tadi ialah mengenai keselamatan.

Keselamatan udara sangatlah penting dan sukar hendak dikesan. Dari itu alat-alat pengesan iaitu radar hendaklah lebih diberikan keutamaan, walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi, kita penting mengadakan peruntukan itu kerana kita tidak mahu adanya kita terjumpa dengan perkara-perkara itu walaupun rahsia, kita terjumpa serpihan-serpihan kapal-kapalterbang daripada luar negeri terjunam di sungai-sungai untuk mengintip negara kita. Dengan adanya kelemahan-kelemahan yang tidak dapat dikesan, kapal-kapalterbang dari manapun untuk mengintip keselamatan kita kerana setiap nyawa kita amat penting, nyawa kita pun perlu dijaga seperti apa yang diperkatakan oleh rakan saya dari Sabah tadi. Keselamatan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri amatlah penting dijaga dan pernah saya katakankeselamatan kita ini umpama darah dalam daging, kalau darah kita kuat,penyakit susah hendak datang, kalau keselamatan dan pertahanan kita dari darat, laut dan udara kita kuat, musuh-musuh akan takut.

Ini kalau ada serangan daripada luar, keselamatan negaranya lemah, radarnya lemah, lapanganterbang kita terdedah, tepi lautnya terdedah dan sebagainya. Jadi senanglah musuh-musuh dari laut, darat dan udara memasuki negara ini.

Apa yang kita takutkan juga pengedar-pengedar dadah antara-bangsa yang menjadi kaya raya itu boleh menggunakan lapanganterbang kita untuk mengirim bahan-bahan dadah dengan mudah, bukan sedikit dibawanya tetapi berpikul-pikul, berbeg-beg. Kadang-kala diseludupkan dalam beg-beg Menteri-menteri dan pihak Di Raja benda-benda ini, pada hal mereka tak tahu. Bila di-tangkap saya tak tahu dalam begi ini, saya tak tahu, bukan barang saya. Tetapi semua melalui kapal udara. Kita tidak mahu kelemahan alat pengesan keselamatan ini.

Itulah sahaja rasa saya, tak usahlah saya bercakap panjang, mungkin ada sahabat yang lain lagi. Jadi walau bagaimanapun saya ucapkan sekali lagi syabas kepada Kerajaan meminda Rang Undang-undang ini. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

**5.07 ptg.**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama-sama bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya tidaklah hendak menyentuh banyak perkara dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian yang berkenaan dan Kerajaan khususnya mengenai sistem pembinaan lapanganterbang kita. Saya diberitahu oleh orang-orang yang agak penting yang biasa melawat ke negara-negara lain, lapanganterbang mereka ada hubung kaitnya dengan jalanraya kerana kalaulah lapanganterbang mereka dibom oleh musuh atau ada sabotaj

Pihak kejuruteraan, pihak cerdik-pandai yang memberi nasihat kepada Kerajaan untuk pembinaan lebuh raya, jalan raya, lapangan terbang ini semua orang cerdik-pandai, tetapi kata orang yang pentingnya dia lupa masalah **ini**, lupa masalah kalau airport kita kena bom, di mana kapal terbang hendak mendarat kerana jalan raya, kapal terbang tidak boleh landing di situ.

Jadi, ini perlu difikirkan Tuan Yang di-Pertua, untuk keselamatan, untuk faedah negara dan bangsa kita. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969, untuk diswastakan sepertimana maksud-maksud yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Abang Ahmad Urai:** Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King, sila.

#### **5.11 ptg.**

**Tuan Tiong Hiew King:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969.

Pindaan itu bermaksud membolehkan perkhidmatan dan aktiviti Jabatan Penerbangan Awam diswastakan dan sektor private serta orang ramai mengambil bahagian dalam urusan penerbangan awam itu. Langkah itu adalah baik memandangkan bebanan berat yang telah dipikul oleh Kerajaan selama ini dan Perkhidmatan Penerbangan Awam kita yang masih kurang sempurna dibandingkan dengan perkhidmatan penerbangan luar negeri.

Pertama, dengan penswastan ini Kerajaan kita boleh mengurangkan bebannya, baik dalam pengurusan kewangannya mahupun dari

pekerjaan dan pengurusan yang berat, terutama pada ketika ekonomi negara mula mengalami kemelesetan dan hanya mula pulih.

Yang kedua, dengan penswastan ini syarikat yang akan mengambil dan menjalankan perkhidmatan penerbangan awam itu kelak akan lebih giat berusaha dengan segala daya-upaya, mengemaskinikan pentadbiran dan pengurusan, menyediakan perkhidmatan yang Lebih baik agar supaya boleh bersaing dengan perkhidmatan penerbangan asing serta mendatangkan keuntungan dalam urusan perkhidmatannya. Walau bagaimanapun, perhatian harus diberi kepada peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini

Adalah ditetapkan dalam Bahagian 8A, 24A bahawa Menteri berhak mengeluarkan lesen kepada sebarang syarikat, firma, individu atau orang-orang untuk menjalankan perkhidmatan penerbangan. Kerajaan boleh bekerjasama atau berusaha-sama dengan sebarang orang, atau syarikat dalam urusan perkhidmatan itu dan membahagikan bersama keuntungan atau faedah yang terdapat dari urusan itu.

Berhubung dengan ini saya meminta Kerajaan kita memberi pengawasan dan pengawalan terhadap pelaksanaan penswastan nantisupaya memastikan iaitu pengurusan perkhidmatan penerbangan itu diberi kepada perseorangan atau syarikat yang layak, bertanggungjawab dan berupaya menjalankannya. Dengan itu barulah perkhidmatan syarikat penerbangan ini akan mencapai prestasi yang diharapkan serta rakyat dan Kerajaan kita tidak akan mengalami sebarang kerugian-kelak.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh satu lagi perkara yang ada berkaitan dengan kemudahan-kemudahan penerbangan iaitu pembinaan lapangan terbang baru Sibul.

Tuan Yang di-Pertua, SibU adalah sebuah bandar kedua besarnya di negeri Sarawak, juga merupakan salah satu pusat aktiviti politik, ekonomi dan kebudayaan. Dan satu titik penduduk-penduduk dari Bahagian-bahagian Ketiga, Keenam dan Ketujuh berkumpul, berpusat dan berpencair.

Memandangkan pentingnya kedudukan politik dan ekonomi SibU di Sarawak, tidak dapat tidak kami merasa iaitu pembangunan infrastruktur dan daerah SibU khususnya dan di negeri Sarawak amnya masih jauh kurang memuaskan. Umpamanya, Lapanganterbang SibU telah lama tidak dapat menampung keperluan perkembangan semasa. Walaupun rancangan pembinaan lapanganterbang baru SibU dan bagi lain tempat telah lama dibuat, tetapi kemudian ditangguhkan akibat kemelesetan ekonomi negara.

Pada ketika ini ekonomi kita telah mula memulih, keadaan pendapatan negara kita akan bertambah baik, maka saya berharap Kerajaan Persekutuan dapat menimbang semula, melaksanakan rancangan pembinaan lapanganterbang-lapanganterbang baru di SibU, dan Bintulu dalam masa hadapan yang singkat. Itulah harapan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Abang Ahmad Urai:** Sila Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah.

**5.18 ptg.**

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit berkenaan dengan pindaan Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) Pindaan yang akan



diluluskan ini ialah supaya pada masa hadapan senang untuk diswastakan.

Pada pandangan saya, baru sahaja semalam dan tadi kita membahaskan penswastaaan Syarikat Telekom, semasa kita pegang masih ada juga yang tidak puas hati dengan tugas-tugas itu. Jadi kita mengharapkan supaya diperbaiki diswastakan, sesudah diswastakan perkara ini berbangkit lagi. Maka ini penerbangan pula kita hendak swastakan, undang-undang ini dipinda hari ini untuk diswastakan pada masa yang akan datang, dan dengan kemudahan iaitu sebagaimana kata rakan saya tadi, memberi kuasa kepada Menteri untuk pemberian lesen-lesen ini juga kita kena berhati-hati, kerana pada masa sekarang ini, penerbangan awam ini tidak diswastakan, masih dijaga sendiri, tetapi masih banyak yang tidak puas hati daripada segi keselesaan tempat duduk di dalam penerbangan atau keselamatan di bangunan-bangunan Lapanganterbang masih tidak dapat kita jaga dengan puas hati, masih terancam terutama sekali di lapanganterbang yang besar. Umpamanya, di Pulau Pinang, masih kurang keselamatan, sebab itu selalu digunakan lapanganterbang untuk penyeludupan barang-barang yang diharamkan oleh negara, kita terutama sekali dadah, macam-macam cara dijalankan, yang disimpan dalam beg kain, tetapi yang disimpan di dalam perut sendiripun dapat ditangkap. Jadi kalaulah kita swastakan dapatkah hendak dibuat macam mana yang kita buat? Ini kita kena jaga, mungkin sesudah swasta besok dia rasa dia hendak cari untung sahaja, ini akan merosakkan kepada negara kita.

Pada hari ini kita terlampau ketatkan undang-undang kita, umpamanya bangunan-bangunan terutama sekali di Lapangan Terbang Bayan Lepas tak dapat orang hendak membuat perniagaan walaupun bilik-bilik bersekat elok, tak boleh, kerana terlalu mahal, kita terlampau hendak cari untung, langsung tak dapat keuntungan, orang tak mahu hendak sewa - mahal, jadi kurang faedah. Walau bagaimanapun, kita menyokong Rang Undang-undang ini untuk diswastakan pada masa akan datang, undang-undang ini sebabnya telah diluluskan dan patut kita bentangkan, tetapi kajian itu harus diperbuat itu yang pertama.

Yang kedua, di dalam penerbangan ataupun di lapangan terbang-lapangan terbang. Kalau kita bezakan lapangan terbang orang negeri lain, kita rasa malu, sebab kebersihan di lapangan terbang-lapangan terbang ini masih kurang kalau kita bezakan dengan negeri lain, padahal kita bercakap siang malam kebersihan, kebersihan, tetapi masih kurang. Ini juga harus diperhatikan. Kalau diswastakan esok bagaimana pula, kita kena kaji yang itu.

Dan lagi keselesaan di dalam penerbangan. Kalau kita naik kapal terbang pada hari ini tak selesa, kalau kita sudah duduk, duduk sahaja, bila hendak berdiri kena bengkok, sebab terlampau rapat kerusinya. Ini harus diperhatikan, keselamatan tak ada, hendak berdiri pun tak boleh. Lepas itu, kebersihan ini juga di dalam kapal terbang sendiri tak bersih, Saya baru-baru ini datang agak lucu juga, naik kapal terbang bau petai - 'pengak' bau dalam kapal terbang. Bila saya hendak turun, saya katakan kepada peramugari kenapa kapal terbang ini bau sangat petai, tak adakah ditengok orang

yang hendak masuk ini dahulu macam mana sampai kita tak boleh bercakap, bila bercakap wap petai itu masuk. Saya pun makan tetapi. baunya itu tak ada dijaga langsung, biarkan macam itu. lain kali kalau orang bawa barang yang lain, esok pun kita biarkan begitu, satu kapalterbang itu berbau. Dalam kapalterbang itu bukan orang-orang kita semua, orang luar negeri pun ada. Jadi pandangan dia inilah sampai dalam kapalterhang pun bau petai. Ini untuk pengetahuan, baru dua tiga hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini, tetapi sebelum kita menswastakan, kita perbaiki. dahulu mana yang kurang itu supaya bila diswastakan nanti orang-orang dapat mengambil perhatian daripada bila kita lepaskan kepada dia. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Yang Berhormat Tuan Yusoff.

**5.24 ptg.**

**Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1987.

Saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan di Dewan Negara hari ini. Rang Undang-undang ini membolehkan Kerajaan memberi lesen kepada mana-mana syarikat untuk mengendalikan penerbangan awam di negara kita hari ini. Saya rasa Rang Undang-undang ini dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini ialah bagi membolehkan penswastan di dalam lapangan penerbangan awam untuk mengendalikan lapanganterbang-lapanganterbang di negara kita oleh syarikat-syarikat awam. Walau bagaimanapun, suka saya menarik perhatian pihak yang berkuasa bahawa penswastan penerbangan awam ini akan mengakibatkan perkara-perkara yang perlu kita fikir, iaitu

tiap-tiap syarikat swasta motif mereka ialah untuk membuat keuntungan, jadi saya takut kalau kita tidak berhati-hati syarikat-syarikat yang akan mengendalikan lapangan terbang akan datang akan mengenakan 'charges' ataupun bayaran-bayaran yang lebih tinggi daripada apa yang ada hari ini kerana dalam Rang Undang-undang ini boleh mereka minta kepada pihak Menteri. untuk menaikkan bayaran-bayaran yang ada hari ini.

Oleh kerana syarikat-syarikat swasta ini bermotifkan untuk membuat keuntungan, maka saya harap sebarang kenaikan yang akan dikenakan kepada mereka yang menggunakan lapangan terbang akan datang ini tidak akan membebankan sebagaimana yang dikenakan pada hari ini. di jalanraya-jalanraya dengan dikenakan tol-tol yang ada hari ini yang sedikit-sebanyak telah menimbulkan perasaan bebanan kepada rakyat. Yang kedua, saya rasa perlulah di dalam menentukan mana-mana syarikat yang mengendalikan ini tujuan utama hendaklah Untuk mewujudkan 'efficiency' yang lebih daripada apa yang ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka sebutkan di sini ialah masalah Lapanganterbang Kota Bharu. Setahn saya sudah ada ura-ura untuk memanjangkan Lapanganterbang Kota Bharu tetapi. sehingga sekarang ini masih tidak dilaksanakan sehingga kalau kita naik kapalterbang dan turun di Kuala Lumpur, kita tak terasa hentak turun itu, tetapi siapa-siapa yang pergi Kota Bharu, saya rasa akan terasa kapalterbang terpaksa terhentak turun, Saya rasa ini ialah kerana lapanganterbang itu tidak cukup panjang. Jadi, kerana itu saya rasa Kerajaan perlulah mengambil perhatian untuk memanjangkan lapanganterbang yang ada hari ini. Saya takut akan datang keadaan ini akan melibatkan malapetaka kepada kapalterbang-kapalterbang yang menggunakan Lapanganterbang Kota Bharu.

Satu perkara lagi yang saya suka sentuh di sini ialah masalah keselamatan di lapanganterbang itu sendiri. Saya telah berkesempatan bercakap dengan mereka yang mengendalikan, saya tak mahu sebut siapa, tetapi daripada percakapan saya, daripada bualan saya, saya telah diberitahu bahawa acap benar orang telah cuba 'test' keselamatan di Lapanganterbang, banyak orang-orang yang telah membawa pistol boleh lalu ikut Bahagian Keselamatan terlepas sehingga sampai ke dalam kapalterbang mereka mengatakan, ini pistol saya serah di dalam kapalterbang'. Jadi, ertinya keadaan keselamatan yang ada di lapanganterbang hari ini tidak begitu cukup, mungkin oleh kerana keadaan negara kita ini tidak banyak kes-kes melibatkan 'hijack', kita pandang sambil lewa sahaja.

Keadaan ini bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, amat merbahaya terutama kalau kita kira setengah lapanganterbang kita itu amat berdekatan dengan negara jiran yang kita tidak tahu bagaimana mereka mengawal orang keluar daripada negara mereka. Jadi mungkin satu hari kita akan terkejut kerana salah satu daripada lapanganterbang digunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan mungkin akan timbul kes, dengan izin, hijack dan sebagainya yang bermula daripada lapanganterbang kita kalau kita tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengetatkan keadaan keselamatan di lapanganterbang kita.

Pada masa ini mengikut pengetahuan saya pihak Jabatan Penerbangan- Awam mempunyai pegawai keselamatan mereka sendiri dan MAS mempunyai pegawai keselamatan mereka sendiri dari saya harap pihak yang berkuasa berhati-hati meneliti perkara ini sama ada kerjasama wujud atau tidak di antara pihak keselamatan yang menjaga keselamatan daripada Jabatan Penerbangan Awam dengan pihak MAS. Jadi itulah sahaja ucapan saya, dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Yang Berhormat Datuk Haji Nasir bin Haji Manap.

**5.32 ptg.**

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dan Akta ini boleh dinamakan Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat Kerajaan, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk menswastakan perkhidmatan penerbangan awam kepada mana-mana syarikat, firma dan sebagainya, dan di dalam Akta ini juga menekankan pengambilan sementara sama ada sebahagian atau keseluruhannya jika berlaku apa-apa darurat, ini termaktub di dalam Seksyen baru 27A. Selain daripada itu menekankan juga berhubung dengan perubahan dalam bayaran yang sedia ada maka pihak syarikat atau firma dan sebagainya boleh membuat perubahan dengan mengemukakan kepada Menteri dan diiklankan di surat-suratkhabar; ini termaktub di dalam Seksyen 3.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengarahannya menswastakan Syarikat Penerbangan Awam ini, kepada mana-mana syarikat atau pun firma dan sebagainya yang mengambilalih perlu kita mengambil perhatian, ini kita boleh menekankan sebagai seorang yang mengambil sesuatu tugas dalam bentuk perniagaan. Dalam bentuk perniagaan mungkin ada di antara perniagaan yang diambil oleh mana-mana orang, satu di antaranya mendapat kejayaan dan satu di antaranya mungkin tidak berjaya atau gagal dalam menjalankan tugas bagi perkhidmatannya berkemungkinan berbagai-bagai masalah yang boleh timbul atas kegagalan mereka khususnya untuk melaksanakan penerbangan awam ini.

Dalam kaedah ini saya memikirkan Kerajaan mesti mengambil perhatian sungguh-sungguh apabila diberikan sesuatu syarikat atau firma menjalankan aktiviti mereka mesti diambil kira apakah akan berlaku sesudah syarikat itu tidak berjaya menjalankan perkhidmatannya.

Dengan ini saya mengesyorkan kepada Kerajaan mestilah pihak Kerajaan menentukan beberapa orang pegawai-pegawai yang mentadbirkan di dalam penerbangan awam itu terdiri daripada orang-orang Kerajaan sendiri misalannya pegawai-pegawai kewangan, pentadbir dan sebagainya mesti dimasukkan atau satu syarat di antara orang-orang yang berjawatan seperti ini mesti pihak syarikat yang berkenaan mengambil untuk bekerja pada syarikatnya dan dibayar gaji oleh mereka kerana masalah ini perlu dilaksanakan apabila kegagalan mereka melaksanakan projek ini maka pihak Kerajaan dengan semudahnya boleh mengambil tindakan yang segera dan menjalankan masalah-masalah seperti yang berlaku kegagalan mereka dan boleh diselesaikan.

Selain daripada ini barangkali kita juga harus mengambil perhatian yang sungguh-sungguh bagi keselamatan orang ramai dan sebagainya, ini juga pihak Kerajaan menentukan juga pegawai-pegawai yang tertentu mesti diambil oleh pihak syarikat bekerja kepada syarikat mereka misalannya sebagai pegawai penguatkuasaan, pegawai pemeriksaan dan sebagainya. Jadi ini apabila jawatan-jawatan yang kita tekankan supaya mereka ambil maka keselamatan di lapangan terbang itu akan terjaga.

Dalam masalah dua perkara ini saya menekankan yang pertama sekali masalah kegagalan mungkin berlaku oleh pihak syarikat maka Kerajaan boleh bertindak dengan serta merta kerana ada di antara beberapa pegawai daripada Kerajaan yang telah tahn seluk beluk mungkin mereka tahu di mana masalah kegagalannya. Selain daripada itu dalam bentuk keselamatan mesti menekankan supaya nama baik Kerajaan kita tidak terjejas.



Tuan Yang di-Pertua, selalu daripada ini saya memikirkan oleh sebab banyak lapangan-lapanganterbang yang ada di dalam negara kita ini seperti di Semenanjung, Sabah dan Sarawak agak perlu pihak Kerajaan mengambil kira supaya penerbangan awam dapat dibuat dari sebuah lapanganterbang ke sebuah lapanganterbang yang lalu yang membolehkan orang ramai pergi daripada satu tempat ke lain tempat dengan begitu mudah dan kalau ada pun telah dibuat sekarang dapat dipertingkatkan atau pun dapat diperbanyakkan lagi dari semasa ke semasa. Kita sedar banyak lapangan-lapanganterbang yang ada di dalam negara kita ini seperti di Melaka, seperti di Johor Bahru, Ipoh, Bayan Lepas, Limbang, Kuching, Sibul, Bintulu, Miri dan sebagainya, ini bolehlah pihak Kerajaan boleh mengatur kira bagaimana penerbangan itu dibuat dalam negara Malaysia ini yang memudahkan rakyat pergi daripada suatu tempat ke suatu tempat yang lain dengan menaiki kapalterbang.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali di sini kita masih menekankan untuk berhasrat bagi menswastakan lapanganterbang yang sedia ada dan kita belum lagi mendengar agak-agak pihak Kerajaan sedang berusaha untuk mewujudkan lapanganterbang yang belum ada untuk diswastakan dan dalam kaedah ini oleh sebab Kerajaan mirip untuk menswastakan dari satu jabatan kepada satu jabatan, kemudian meningkatkan kepada pelabuhan, meningkat kepada lapanganterbang apakah kiranya juga Kerajaan membuat satu Undang-undang bagi membolehkan di mana sahaja di dalam negara kita ini yang kita merasakan boleh dibuat lapanganterbang kita boleh juga memberikan kepada mana-mana syarikat atau pun firma mewujudkan suatu lapanganterbang yang bermaksud untuk menswastakan kepada mereka.

Jadi yang ini bermaksud lapangan terbang yang telah sedia ada diswastakan dan perlu juga difikirkan lapangan terbang yang belum ada dapat diberikan kepada mana-mana syarikat ataupun swasta untuk diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah prestasi kemajuan akan datang, kita juga harus meletakkan satu perjanjian ataupun peraturan yang kita mesti mengenakan pada mana-mana syarikat ataupun firma yang mereka ingin untuk mengambilalih Lapangan terbang itu perlu dibuat satu syarat supaya dalam jangka masa tertentu Lapangan terbang yang telah sedia ada itu dapat diperbesarkan mengikut keperluan masyarakat. Apabila mereka telah dapat sesuatu lapangan terbang itu dan penekanan daripada Kerajaan untuk membesarkan lapangan terbang dari masa ke semasa maka ini menunjukkan satu prestasi yang baik kepada Kerajaan ataupun prestasi yang baik kepada syarikat yang berkenaan, kemungkinan dari masa ke semasa lapangan terbang yang sedia ada ini yang agak tidak begitu besar dapat dibesarkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya sampaikan di Dewan yang mulia ini. Dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Ada lagi yang hendak bercakap?  
Sila Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon.

**5.42 ptg.**

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Penerbangan Awam 1969 mengenai Fasal 2 Seksyen baru 24A. Di sini, saya berharap Menteri yang mempunyai kuasa dan kewibawaan ketika menjalankan tugasnya.

Mengenai Fasal 2, Seksyen 24B pula, Kerajaan semasa membuat apa-apa perkiraan mengenai hal perkongsian untung dan lain-lain seharusnya mengambil kira kepentingan rakyat kita dan juga keutamaan diberi kepada firma-firma tempatan.

Perkhidmatan lapangan terbang juga mesti diperbaiki, layanan yang adil dan bersopan santun mesti diberikan dengan keutamaan diberi kepada, pertaniannya para pelancong; keduanya rakyat dan akhir sekali pemimpin-pemimpin negara kita.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan). Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Orai:** Ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap? Jika tidak ada, sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

**5.43 ptg**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-bersilap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi sama-sama membahaskan pindaan Rang Undang-undang Jabatan Penerbangan Awam ini dan telah mengambil masa begitu panjang. Ini bererti bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat semua begitu berminat dan mempunyai hasrat yang baik untuk memperbaiki lagi khidmat-khidmat yang diberikan oleh Jabatan Penerbangan Awam.

Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Harun dan juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah begitu menegaskan mengenai keselamatan. Memanglah ini menjadi perkara utama kepada Jabatan Penerbangan Awam dan Jabatan Penerbangan Awam sentiasa akan terus mengutamakan keselamatan sama ada di dalam kawasan lapangan terbang itu sendiri ataupun di ruang udara.

Mengenai semua Lapangan terbang yang diswastakan dan bukan sahaja akan menguntungkan untuk meringankan beban Kerajaan, memang benar dan setiap apa juga usaha yang hendak diambil dan dilaksanakan untuk penswastakan memanglah akan dikaji sedalam-dalamnya oleh Kerajaan dan juga Kementerian dan Jawatankuasa-jawatankuasa yang bertanggungjawab,

Mengenai membina lapangan terbang di Seremban, Kerajaan pada masa ini tidak ada cadangan disebabkan bahawa di antara Kuala Lumpur dan Seremban terdapat satu highway yang begitu baik sekali yang mana tidak sampai 40 minit dari Kuala Lumpur boleh sampai ke Seremban.

Yang Berhormat Tuan Sivalingam telah mengemukakan perkara-perkara yang berkaitan dengan tanah-tanah kepunyaan Jabatan Penerbangan Awam yang telah diduduki oleh setinggan terutamanya. Projek lapangan terbang ini memanglah dari satu masa ke satu masa akan diperluas, run-waynya akan dipanjangkan, dan memang projek ini masih dalam pertimbangan-Kerajaan ini adalah disebabkan keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan. Apabila ekonomi telah pulih kelak projek-projek ini akan ditimbang dan dilaksanakan.

Mengenai masalah-masalah yang timbul kepada setinggalan-setinggalan rasa saya bukti yang telah dengan sendiri dinyatakan oleh Tuan Sivalingam tadi di mana satu usahasama antara Jabatan Penerbangan Awam dengan Kerajaan Negeri Selangor yang mewujudkan satu skim rumah kos rendah yang telah dapat menampung begitu ramai setinggalan adalah membuktikan bahawa pihak Kerajaan dan Jabatan Penerbangan Awam sendiri tidak mengabaikan mereka itu. Dan Insya Allah, masalah-masalah yang masih ada dan apabila Jabatan Penerbangan Awam perlu mengambi balik menggunakan tanah kepunyaannya, perkara ini akan diselesaikan mengikut sistem dan peraturan yang ada dan akan dikaji kemudian kelak.

Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah telah juga mencadangkan supaya pembinaan lapangan terbang-lapangan terbang di bandar-bandar kecil diwujudkan. Ini terpaksa dikaji dengan teliti dan dibuat pertimbangan yang benar-benar memunjukkan bahawa ianya akan mendatangkan faedah dan akan mendatangkan hasil dan tidak merugikan mana-mana pihak. Oleh kerana itu pada masa ini tidak dapatlah pihak Kerajaan menyatakan di manakah bandar-bandar kecil yang boleh ianya mewujudkan lapangan terbang-Lapangan terbang pada hal cadangan Kerajaan untuk memperbaiki lagi, memodenkan dan mempertingkatkan begitu banyak lapangan terbang yang ada sekarang ini pun dijadikan persoalan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan memang rancangan ini telah diluluskan oleh Kerajaan tetapi oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi tidak dapatlah ianya dilaksanakan.

Mengenai keperluan keselamatan sama ada radar, kawalan udara dan sebagainya memang ianya berjalan dengan baik kerana ini. adalah satu keperluan bagi organisasi Civil Aviation. Kalau tidak, kita tidak boleh melaksanakan kerja-kerja kita dan penerbangan juga tidak dapat dilakukan dari Malaysia ke negara-negara lain dan untuk masuk ke Malaysia.

Sebenarnya setiap saat, udara kita ini dikawal oleh sistem kawalan udara. Sunggubpun bila kita dongak ke atas langit, kita tengok tidak ada apa-apa benda tetapi di atas itu sama juga sibuknya seperti di bawah. Kalau tidak ada kawalan radar, kalau tidak setiap saat, setiap masa, ada orang-orang atau pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk meneliti sudah tentulah banyak berlaku kemalangan di udara pula. Pada hari ini, kita syukur Alhamdulillah, sekali-sekala sahaja terdapat kemalangan di udara dan tidak pula bertempur di antara satu kapal terbang dengan satu kapal terbang. Tetapi ianya terjunam jatuh disebabkan sesuatu kerosakan dan sebagainya. Jadi, janganlah dibimbangkan kerana memanglah usaha kawalan keselamatan udara itu sentiasa dikawal dengan teliti oleh Jabatan Penerbangan Awam.

Yang Berhormat Tuan Hassan Alban telah mengemukakan mengenai pengawalan' ruang udara bukan di bawah Malaysia. Sebenarnya adalah tidak benar maklumat atau tuduhan bahawa Malaysia tidak mengawal ruang udaranya. Malaysia sejak tahun 1976 telah mewujudkan kawasan kawalan udara atau, dengan izin, flight - information regionnya sendiri dan mengawal serta mengendalikan urusan-urusan ini dari paras bawah sehingga ke paras setinggi-tingginya.

Memang ada peruntukan, iaitu di mana sesebuah negara boleh men'delegate'kan sebahagian daripada ruang udaranya untuk dikendalikan oleh mana—mana negara yang ianya ada perjanjian disebabkan sebab-sebab operasi dan sebab-sebab teknikal. Negara kita Malaysia sendiri pun pernah diberikan atau di 'delegate'kan oleh Indonesia dan Brunei untuk mengawal ruang udara Indonesia dan Brunei. sebahagian daripadanya. Jadi perkara ini memanglah ada dan boleh dilaksanakan, tetapi bagi. Malaysia adalah seperti yang telah saya katakan tadi.

Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King telah mengingatkan juga dari segi penswastan supaya memberikan kepada syarikat-syarikat yang cekap. Memang itulah dalam ingatan dan juga dalam catitan kami. Mengenai Lapanganterbang Sibu yang baru sebenarnya Kerajaan mempunyai rancangan untuk menaikkan taraf Lapanganterbang Sibu ini. untuk menampung penerbangan Boeing 737, tetapi dalam keadaan ekonomi yang ada sekarang ini banyak rancangan-rancangan ini bagi beberapa lapanganterbang di negara kita ini. terpaksa ditangguhkan. Begitu jugalah mengenai Lapanganterbang baru Bintulu, juga terpaksa ditangguhkan.

Mengenai harta-harta Jabatan Penerbangan Awam, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak usahlah bimbang, kerana ini berdasarkan syarat-syarat dan juga perkara-perkara yang akan ditentukan dengan telitinya, dengan terperinci. Insya Allah, harta-harta itu semua, sama ada tanah, bangunan dan sebagainya akan termasuk dalam perjanjian penswastan itu kelak.

Tadi Yang Berhormat Tuan Hassan Alban juga ada menyebutkan mengenai menggunakan VIP Room, dengan izin. Sebenarnya kalau saya tidak silap, kegunaan bilik-bilik VIP di Lapanganterbang-lapanganterbang ini hendaklah dipohon terlebih dahulu atau dibuat

booking claim dan apa yang saya tahu bagi Lapanganterbang Subang, sebenarnya bilik-bilik tertentu adalah dikhaskan untuk V.V.I.P. pada bilik-bilik tertentu. VIP ada biliknya, saya tidak dapatlah hendak menyenaraikan di sini kerana saya tidak menyangka perkara ini akan timbul dan ada pula peringkat-peringkatnya siapa-siapa yang boleh menggunakan bilik-bilik VIP ini. Tetapi semua kegunaan ini hendaklah dibuat 'booking' atau ditempah terlebih dahulu. Kerana kalau tidak ditempah maka sukarlah pihak Jabatan Penerbangan Awam hendak melayankan permintaan-permintaan kalau ianya mendadak sahaja. Jadi saya akan ambil perhatian perkara ini dan akan menentukan bahawa kejadian seperti ini tidak terjadi kepada Ahli-ahli. Yang Berhormat dan pemimpin-pemimpin negara kita.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom telah bertanya sama, ada Kementerian mempunyai sistem pembinaan lapanganterbang. Sistem pembinaan lapanganterbang itu memang ada, iaitu mengkaji, meneliti keadaan ekonomi, keadaan perabangunan negara dan keperluan-keperluan pembangunan negara dan baharulah Kerajaan membuat keputusan sama ada perlu atau tidak satu-satu lapanganterbang itu diwujudkan di sesuatu tempat, iaitu bergantung pula kepada viabilitinya, kerana kalau sudah diwujudkan satu lapanganterbang, diadakan khidmat penerbangan seperti yang dicadangkan oleh beberapa Ahli yang Berhormat supaya semua rakyat dapat menggunakan perkhidmatan penerbangan, dapat merasa naik kapalterbang dan sebagainya. Ini bukan soal hendak merasa naik kapalterbang sahaja, ini soal kita hendak menentukan setiap kali kapalterbang itu berangkat, ianya penuh dan baliknya juga penuh. Begitu juga dari segi muatan barang-barangnya, cargonya, supaya ianya tidak menghadapi kerugian. Jadi perkara-perkara ini semuanya mesti diteliti.



Begitu juga mengenai tambang. Memanglah ramai yang memperjuangkan supaya tambang itu murah. Tambang bukan diletakkan ikut sesuka hati sesi pa sahaja. Tambang sesuatu penerbangan itu ditetapkan berasaskan kepada kos-kos yang terlibat dalam sesuatu penerbangan dan disamping itu dikaji juga perbandingannya dengan tambang-tambang perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan negara-negara lain supaya tambang kita itu, dengan izin, competitive. Kerana kita tidak mahu kita letakkan sesuatu tambang tiba-tiba tambang itu lebih mahal daripada orang lain, sudah tentu Ahli yang Berhormat kata, memang ada di sesuatu sektor tambang kita lebih mahal daripada penerbangan-penerbangan syarikat-syarikat penerbangan negara-negara lain.

Kita tidak boleh membandingkan harga tambang kita dengan tambang-tambang lain kerana tambang ini. berasaskan kepada beberapa perkara. Ada yang dikatakan dengan market fare, ada yang dikatakan tambang biasa dan ada tambang khas. Suster Penerbangan Malaysia juga mempunyai. tambang-tambang khas di mana penumpang-penumpang boleh mendapat sehingga 50% diskaun dalam penerbangan-penerbangannya.

Cuma saya rasa, saya pun sebagai. seorang penumpang, sehingga saya masuk dalam Kementerian Pengangkutan, saya tidak tahu ada diskaun 50% yang boleh didapatkan, iaitu kalau kita hendak membuat rombongan pelancongan, hendak melawat Sabah dan Sarawak, misalnya, untuk beberapa tempoh yang tertentu, kita boleh mendapatkan diskaun itu. Tetapi. agennya sudah tentulah tidak beritahu kepada kita, kalau beritahu dialah rugi - tidak dapat untung banyak. Padahal pihak MAS sendiri mengadakan diskaun-diskaun ini. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidaklah patut menuduh pihak MAS dan menyangka bahawa MAS ini. tidak bertimbang rasa.

Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah telah juga membincangkan mengenai keselamatan dan juga keselesaan dalam penerbangan dan di lapangan-lapanganterbang. Mengenai keselamatan, apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi itu saya gembiralah, sebab itu bererti bahawa kawalan keselamatan di lapanganterbang Pulau Pinang itu ketat, sampai orang bawa dadah dalam perut pun boleh dikesan. Itu rasa saya begitu baik sekalilah dan tahniah kepada Jabatan Penerbangan Awam. Mengenai keselesaan dalam penerbangan, sebenarnya ruangan yang diberikan untuk tempat duduk Kelas Satu, untuk tempat duduk ekonomi adalah mengikut spesifikasi yang ditentukan di peringkat antarabangsa. Jadi tidak salahlah kalau ruang yang banyak itu, cuma kalau badan kita besar sedikit, agaknya kaki kita panjang, memang tidak selesalah, memang tidak seronoklah kita duduk di Kelas Ekonomi.

Mengenai kebersihan, memanglah dari satu masa ke satu masa bahkan apabila sahaja mendapat teguran, hari-hari penyelia ada meneliti, melihatkan bahawa kebersihan itu tetap wujud di lapanganterbang, tetapi mengenai bau petai dalam kapalterbang, ini susahlah saya hendak katakan. Itu bukan salah Jabatan Penerbangan Awam, bukan salah MAS, itu penumpang-penumpang sendirilah. Lain kali kalau sudah hendak naik kapalterbang tidak usahlah makan sambal petai, supaya tidak berlaku perkara-perkara ini. Kalau dia bawa petai sahaja rasa saya tidak berbau. Berbeza dengan bawa durian, kalau bawa" durian hendak socok macam mana pun tidak boleh. Tetapi MAS memang tidak beri orang bawa durian, sebab saya sudah cuba sekali hendak bawa durian - tidak boleh, tidak dibenarkan sama sekali kerana bau itu akan mengganggu penumpang-penumpang yang lain. Jadi walau macam manapun perkara-perkara yang telah dibawa ke Dewan ini akan diambil catitan dan di mana yang perlu kita akan mengambil tindakan.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff telah menimbulkan masalah penswastaan di mana motif syarikat-syarikat swasta adalah untuk mendapatkan untung yang paling banyak. Memanglah itu motif mereka tetapi dalam penswastaan ini di mana Kerajaan sendiri mempunyai kuasa untuk menentukan, sebelum penswastaan itu dijalankan, bahawa perkara-perkara misalnya dari segi charge yang dikatakan tadi, dari segi bayaran-bayaran yang dikehendaki itu mesti dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan mesti mendapat persetujuan dan kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri sebelum bayaran-bayaran atau charge itu boleh dinaikkan atau boleh ditinggikan dan begitu juga untuk mengurangkannya. Kalau dikurangkan agaknya tidak ada siapa yang marah, cuma kalau hendak dinaikkan itu ramai orang yang bising. Memanglah kita berharap bahawa dengan penswastaan ini kita akan mewujudkan efficiency, dengan izin, kerana salah satu rasional penswastaan ialah supaya kita memberikan khidmat-khidmat yang lebih baik dan yang lebih berkesan.

Mengenai Lapanganterbang Kota Bharu, memang ada dalam program Jabatan Penerbangan Awam iaitu mencadangkan supaya Lapanganterbang Kota Bharu itu dipertingkatkan, dinaikkan tarafnya supaya membolehkan sehingga Airbus boleh turun di landasan lapanganterbang itu, Yang Berhormat kata kalau turun dari kapalterbang rasa terhentak, kadang-kadang turun di Subang pun terhentak juga. Rasa saya itu terpulang kepada kepintaran juruterbangnya dan di samping itu landasan yang ada di Lapanganterbang Kota Bharu itu memang cukup panjangnya untuk Boeing 707, tidaklah ianya akan membahayakan.

Mengenai mengetatkan kawalan, memanglah kawalan ini sentiasa ada dan saya kurang faham pula macam mana seseorang itu boleh lepas bawa pistol kerana kalau kita melalui detector itu, rasa saya kunci pun agaknya ada berbunyi, ada tanda bahawa kita ada bawa satu barang besi. Tetapi mungkin ini agaknya VIP-VIP melalui Bilik VIP pistolnya tidak diserahkan terlebih dahulu, tetapi syukur alhamdulillah, Yang Berhormat kata bila sampai dalam kapal terbang, pistol itu diserahkan kepada juruterbang. Jadi perkara ini juga saya ambil perhatian yang berat supaya tidak ada mana-mana pihak yang mengambil kesempatan di atas kemudahan-kemudahan yang ada pada mereka.

Yang Berhormat Datuk Mohd. Nasir juga bersama-sama menyokong dan menekankan dua perkara iaitu dalam penswastan supaya satu kalau syarikat itu berjaya, satu kalau syarikat itu gagal dan telah mencadangkan beberapa langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan untuk menentukan perkara-perkara ini tidak berlaku ataupun dapat mengawal keadaan-keadaan supaya tidak menjadi kegagalan dengan cadangan-cadangan mengenai pegawai-pegawai dan sebagainya. Begitu juga mengenai keselamatan, jadi saya mengucapkan terima kasih.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon telah mengingatkan mengenai kuasa-kuasa diberikan kepada Menteri dan juga pegawai-pegawai. supaya mereka itu menjalankan tugas dengan penuh kewibawaan dan juga mengingatkan sekali lagi bagi kepentingan rakyat supaya keutamaan diberikan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang baik, layanan yang sopan-santun terutama kepada pelancong-pelancong, kepada rakyat dan juga kepada pemimpin-pemimpin.

Semua pandangan-pandangan, cadangan-cadangan dan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selain daripada yang telah dapat saya jawab itu tadi, adalah dalam catatan kami dan akan diambil tindakan di mana yang wajar dan saya sekali. lagi mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan pindaan Rang Undang-undang ini dan juga menyokong kepadanya untuk diluluskan. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang-sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Abang Haji Ahmad Urai **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN  
PERHUTANAN MALAYSIA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.08 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) 1987 bagi tujuan membolehkan Lembaga

Semua pandangan-pandangan, cadangan-cadangan dan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selain daripada yang telah dapat saya jawab itu tadi, adalah dalam catatan kami dan akan diambil tindakan di mana yang wajar dan saya sekali. lagi mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan pindaan Rang Undang-undang ini dan juga menyokong kepadanya untuk diluluskan. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewanbersidang-sebagaiJawatankuasa.

[Datuk Abang Haji Ahmad Urai **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN  
PERHUTANAN MALAYSIA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.08 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) 1987 bagi tujuan membolehkan Lembaga

Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (LPPPM) mengadakan skim pinjaman perumahannya sendiri, dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, 1985 telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada bulan April 1985 dan telah berkuatkuasa mulai 1hb Oktober, 1985. Akta ini telah menukarkan status Institut Penyelidikan Perhutanan Jabatan Perhutanan (FRI) kepada sebuah badan berkanun Persekutuan yang dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan, 1985 ini perlu dipinda untuk membolehkan kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang menjadi pelaksana keputusan keputusan Lembaga menikmati skim pinjaman perumahan yang merupakan satu daripada syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan kepada kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan, Jabatan Hutan Semenanjung Malaysia apabila mereka diminta untuk memilih sama ada ingin berkhidmat dengan Lembaga atau kekal di dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan semasa peringkat awal penubuhan Lembaga.

Seperti yang termaklum, pihak Perbendaharaan cuma boleh meluluskan pinjaman perumahan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri dan Badan-badan Berkanun serta Kuasa-kuasa Tempatan yang telah menyerahkan skim pinjaman perumahan mereka kepada Perbendaharaan sebelum 10hb Ogos, 1982. Lembaga yang cuma ditubuhkan dalam tahun 1985 secara automatik belum melakukan perkara **ini**, malah tidak berkesempatan untuk berbuat demikian.

Untuk menunaikan janji Lembaga kepada kakitangan-kakitangan IPP yang telah memilih berkhidmat dengan Lembaga, maka perlulah disediakan Skim Pinjaman Perumahannya sendiri kepada kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan iaitu untuk memberi kuasa kepada Lembaga mengadakan Skim Pinjaman Perumahannya, seksyen 15(3)(d) Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 dipinda dengan menambahkan perkataan-perkataan "rumah kediaman" atau sebelum perkataan "kenderaan" dan perkataan-perkataan "oleh Perbendaharaan" di akhir ayat seksyen ini. Dengan pindaan demikian, Lembaga boleh mengadakan Skim Pinjaman Perumahan dan Kenderaan yang syarat-syaratnya ditetapkan oleh Perbendaharaan.

Satu peruntukan sebanyak \$2.5 juta telahpun diluluskan kepada Lembaga untuk mengendalikan Skim Pinjaman Perumahannya sendiri mulai tahun 1987. Peruntukan ini akan Luput jika tidak digunakan pada tahun ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Rasitah bin Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Jasni.

6.12 ptg.

**Tuan R. M. Jasni:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 yang membolehkan



Lembaga memikul tanggungjawab bagi mengadakan pinjaman-pinjaman perumahan kepada pegawai-pegawai dan perkhidmatan-perkhidmatan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mahu saya kemukakah di Dewan ini mungkin tidak berlaku di dalam masalah perhutanan di Malaysia Barat. Tetapi bagaimanapun, saya percaya Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia diwakili oleh Pegawai-pegawai Perhutanan atau Pakar-pakar Perhutanan dari Sabah, sekiranya tidak ada maka Kerajaan haruslah memberi perhatian untuk melantik pegawai atau pakar dari Sabah duduk di dalam Lembaga ini supaya menepati maksud dan tujuan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia. Sekiranya ada pegawai dari Sabah, maka eloklah apa yang saya utarakan ini dijadikan pertimbangan dalam merumuskan sesuatu penyelidikan perhutanan mengenai perhutanan di Malaysia atau di dalam menggariskan sesuatu dasar perhutanan di Malaysia terutama di negeri-negeri yang menjadi pusat pembalakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang dialami oleh Sabah dan mungkin juga sedang dialami oleh Sarawak di mana orang-orang Penan bangkit untuk menghalang pembalakan di kawasan mereka. Di Sabah juga tentangan yang serupa sudah juga mula dibangkitkan seperti yang tersiar di suratkhbar-suratkhabar tempatan, orang-orang Murud ini telab mula juga menyuarakan masalah yang sama, ini mungkin gempa di bumi Kenyalang, gemanya terdengar di bumi di bawah lindungan angin bayu atau ada orang menyebut Sabah di bawah angin. Tuan Yang di-Pertua, kejadian yang mula berkocak ini mungkin tidak berlaku hari ini jikalau ia dirumuskan dalam penyelidikan perhutanan awal-awal lagi. Tuan Yang di-Pertua, sepautnya dasar mengecualikan

kawasan perkampuhan orang-orang Asli, di sini dikatakan orang Asli dan saya berharap dan minta niat mungkin ini tidak berlaku di kawasan-kawasan orang Asli di Semenanjung tetapi bagi di Sabah orang-orang Murud dan di Sarawak sebagaimana kita tahu orang-orang Penan dari dijadikan kawasan pembalakan atau lebih tepat dikatakan dari mengecualikan pengetuaran lesen pembalakan di kawasan perkampuhan orang-orang tersebut atau mana-mana juga kawasan yang diduduki oleh manusia,

Tuan Yang di-Pertua, saya suka gambarkan bagaimana industri pembalakan di kawasan yang berhampiran dengan perkampuhan orang-orang yang saya sebutkan tadi, terutamanya orang-orang Murud di pendalaman membawa malapetaka yang besar ke atas kehidupan mereka. Menang tidak dinafikan industri pembalakan telah membawa perubahan kepada kehidupan orang-orang ini kerana jalanraya atau jalan balak sampai ke kawasan mereka, mereka dapat ke bandar dan orang bandar dapat sampai ke kawasan mereka, yang dahulu terpencil. Ini memang baik jalanraya dapat sampai ke kawasan terpencil. Tetapi apa yang tidak baik, Tuan Yang di-Pertua, kawasan pembalakan itu masuk ke kawasan kampung dan lesen menebang kayu-kayu balak itu sampai ke belakang kesan pembalakan serupa ini banyak merubah kehidupan orang-orang Murud dan mungkin juga orang-orang Penan di Sarawak menjadi lebih buruk. Kesannya bila jentera-jetera berat meranapkan kawasan sekeliling jalanraya-jalanraya dibuka untuk mengeluarkan tanah merah yang turun dari bukit-bukit mengalir kejalan apabila hujandansungai-sungai yang menjadisumberikan dan air minum menjadi cemar. Kerana sungai-sungai sudah cemar, ikan-ikan tidak lagi membiak dan langsung pupus. Satu daripada sumber penghidupan orang-orang ini telah hilang. Binatang-binatang

buruan yang mengandungi protein dalam makanan mereka juga turut lenyap kerana binatang-binatang ini telah lari jauh ke belantara, mungkin ke sempadan Malaysia. Tanah-tanah pertanian berhuma menjadi rosak, pokok-pokok buahan hancur, tanah-tanah perkuburan nenek moyang mereka diserang oleh jentera-jentera berat, sedangkan di satu pihak mengaup keuntungan berjuta-juta ringgit dan meninggalkan tunggul-tunggul balak dan kesan-kesan buruk yang disebutkan tadi ditinggalkan kepada orang-orang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin di dalam pertimbangan kita dengan adanya pembalakan di kawasan yang terpencil itu bukan sahaja membuka kawasan-kawasan orang ini dan mereka boleh hidup secara sistem wang iaitu hasil pertanian mereka boleh dibawa ke bandar tetapi juga pendapatan negara dapat bertambah, ini memang saya bersetuju, memang baik tetapi para penyelidik yang menentukan dasar perhutanan tidak harus membuat pertimbangan yang cepat dan ringkas. Pertimbangan lain haruslah diambil kira. Penduduk-penduduk yang biasa tinggal di hutan belantara turun-temurun tidak semudah mengambil sikap seperti tadi seperti orang-orang di bandar. Mereka belum boleh hidup di dalam persaingan terbuka dengan kaum-kaum lain yang lebih maju. Mereka masih banyak bergantung dengan keadaan hutan dengan sumber-sumber yang terdapat di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan kawasan-kawasan perkampungan orang-orang yang saya sebutkan tadi hendaklah dikecualikan dari lesen pembalakan. Sekurang-kurangnya 5 batu dari pusat perkampungan. Saya cadangkan juga lesen mengeluarkan atau menebang kayu-kayu balak itu janganlah sampai kebelakang dapur orang perkampungan ini. Kalau pun ia, hendaklah bagi tujuan atau kepentingan masyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong di atas pindaan Akta ini.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Ada lagi Yang Berhormat yang hendak berucap? Sila Yang Berhormat Tuan Hassan Alban.

**6.20 ptg.**

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan secara kebetulan kami dua orang datang dari Sabah,- tetapi beliau daripada pedalaman dan saya daripada pantai timur.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Sila.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Saya juga ingin turut memberikan pendapat berkenaan dengan Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) ini di mana antara lain tujuannya mengikut Timbalan Menteri tadi ialah untuk memudahkan pegawai-pegawai yang ada berkhidmat dalam Lembaga ini untuk mendapat kemudahan pinjaman perumahan dan mungkin juga untuk kenderaan, cuma saya rasa mereka ini tidak bernasib baik kerana sekarang ini terpaksa membayar 6% kadar pinjaman.

Saya rasa tujuan utama mengadakan pindaan ini ialah untuk memberikan keselesaan kepada kakitangan dalam Lembaga ini dan lazimnya rakyat mengharapkan mereka ini sebagai penasihat dalam penyelidikan dan pembangunan hutan dapat mengeluarkan pendapat-pendapat yang bernas untuk kepentingan semua rakyat di Malaysia ini terutama berhubung dengan hutan dan pembangunan hutan.

Tuan Yang di-Pertua, isu hutan ini sudah lama telah dihebohkan di Sabah, malahan pada tahun 1938 sudah ada kesan-kesan daripada Orang-orang Asli duduk di sana yang tidak sukakan hutan mereka ditebang. Tahun 1938 sudah ada kerana pada masa itu mereka mendapat punca makanan daripada hutan-hutan ini seperti berburu, bertanam-

tanaman dan sebagainya.

Tetapi baru-baru ini banyak sekali artikel-artikel ditulis berkenaan dengan hutan yang sudah pupus terutama sekali masalah yang dibawa oleh orang-orang Penan daripada Sarawak di mana kita ketahui ada dua rombongan. Pertama, datang kemari menentang, tetapi baru-baru ini di dalam lapanganterbang saya baca satu suratkhbar ada pula kumpulan yang menyokong Kerajaan.

Ini saya tidak hairan kerana dalam mana-mana negara pendapat berbeza seperti ini adalah satu perkara yang biasa dan seperti kata seorang Yang Berhormat di sana, di Sabah perkara ini sudah timbul juga terutama sekali di kawasan beliau, di sebelah Tenora dan Keningau, perusahaan balak kepada kawasan Keningau ini Lambat sedikit datang. Pada tahun 1970an baru mulai dibuka, tetapi di kawasan saya Sandakan, Kinabatangan - di mana saya lahir dan dibesarkan, dan di Sugut sekarang ini sudah tidak ada lagi, hampir-hampir tidak ada kayu balak di sana dan malangnya orang yang mendapat keuntungan adalah syarikat-syarikat Luar.

Memang benar saya dapat sekolah kerana biayaan Yayasan Sabah daripada kayu balak. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui isu ini hangat diperbincangkan selepas delegasi yang datang ke Kuala Lumpur. Mereka yang menentang pembangunan hutan ini rata-rata mengatakan hutan ini akan pupus.

Di sini ada satu artikel yang ditulis oleh Sahabat Alam. kalau saya tidak silap, mengatakan 11 juta ekar hutan belantara tiap-tiap tahun habis ditebang dan mengikut artikel yang ada di sini Malaysia merupakan satu daripada negara-negara yang suka memotong kayu balak dengan tidak ada had dan pembalakan yang tidak dikawal ini telah

mengakibatkan pencemaran sungai seperti kata saudara dari Keningau tadi dan ada yang mengatakan punca makanan orang-orang ini, Orang-orang Asli yang duduk di kawasan berkenaan juga sudah berkurangan kerana akibat ditebang pokok-pokok yang ada. Binatang-binatang liar, hidup-hidupan liar juga ikut pupus kerana tidak ada tempat untuk berteduh, kata mereka. Maka sebab itu harus dikawal pembalakan mengikut orang-orang ini.

Tetapi pihak Kerajaan juga mempunyai alasan tertentu. Kata mereka, terutamanya di Sabah misalnya, 60% daripada hasil datang daripada pembalakan. Kalau ditahan pembalakan ini di mana dapat wang. Bolehkah Kerajaan Persekutuan memberikan lebih banyak kadar dari petroleum kepada negeri Sabah daripada sekarang ini hanya 5%. Jawabnya mungkin tidak. Sudah beberapa kali Ahli dari Sabah berucap di Dewan ini tetapi tidak ada kesan. - Dari mana datang wang untuk membangunkan Sabah. Sebab itu pada hari ini di kawasan pantai timur misalnya yang saya katakan tidak ada pembalakan lagi. Sekarang ini kalaupun kita cuba menaiki kereta daripada Kota Kinabalu sampai ke Tawau, di kiri-kanan ladang-ladang sudah dibuka, terutamanya koko di mana Sabah pada hari ini mengeluarkan 65% daripada koko Malaysia. Ada baru-baru ini saya dengar saranan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pertanian: Sabar, dia kata, salah pada masa ini kerana tidak mengikut peraturan yang dikenakan oleh FAMA tentang menggredkan koko. Bagi pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, pendapat orang dari Sabah harus diambilkira kerana kitalah yang paling banyak mengeluarkan koko di Malaysia ini.

Begitu juga kelapa sawit. Sudah tumbuh di kiri kanan. Saya rasa pengeluar yang ketiga dalam Malaysia ini ialah Sabah, selain daripada negeri Selangor, Johor, Sabah jatuh nombor tiga di Malaysia

ini. Semuanya ini dapat kita adakan kerana kita telah tebang dan jual kayu balak. Dalam satu ladang sahaja yang kecil seperti ladang Syarikat Lai Foo Kim di Sandakan 600 orang tempatan dapat pekerjaan daripada Ladang ini. Kesemuanya pembangunaan ini bukan pembangunan sia-sia tetapi telah membawa satu manfaat juga kepada Malaysia. Sebab itu, Kerajaan dalam menilai isu ini walaupun sudah mendengar pendapat daripada Sahabat Alam di sini dan mendengar daripada pendapat sahabat-sahabat kita daripada Sarawak - Penan, mereka harus menilai.

Memang benar kita wajib, mengambil kira pendapat ini kerana pendapat mereka juga mempunyai kebenaran, tetapi Kerajaan harus menimbangkan adakah isu-isu ini benar-benar ditimbulkan kerana keikhlasan untuk mempertahankan kawasan hutan atau telah dipengaruhi oleh tiupan politik yang ingin menentang dasar Kerajaan sahaja...

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, masa hampir cukup. Esok hari Yang Berhormat bolehlah menyambungkan ucapan.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Hussein Ahmad untuk mengemukakan Usul Penangguhan dan persilakan Yang Berhormat.

#### USUL

#### **Penangguhan Mesyuarat**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Husein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

#### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **Mendirikan Sekolah-sekolah Tamil**

6.30 ptg.

**Tuan K. Sivalingam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, inilah Ucapan Penangguhan pertama saya dalam Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya. Pada petang ini saya ingin membangkitkan satu perkara yang mustahak dan penting pada zaman sekarang.

Sebelum Ladang-ladang Bukit Jelutong dan Sungai Renggam di Selangor diambil oleh Kerajaan, dua atau tiga buah sekolah Tamil telah dibina di kedua-dua ladang tersebut. Selain daripada itu, terdapat juga sekolah Tamil di Ladang Midlands, Ladang Sungai Way, Ladang Seaport, Ladang Effingham dan Ladang Rasak. Malangnya walaupun bandar Shah. Alam telah ditubuhkan pada tahun 1964 dan Lain-lain ladang yang disenaraikan di atas telah diambil dalam tahun-tahun 70an, sehingga hari ini Kementerian Pelajaran belum mendirikan sebuah sekolah Tamil pun sebagai gantian dan semua sekolah-sekolah Tamil yang terlibat kerana pengambilan ladang-ladang dijalankan di dalam bangunan sementara di kawasan tidak rasmi.



Apa yang saya tidak faham ialah mengapa pihak Kementerian Pendidikan tidak memberikan peruntukan untuk mendirikan bangunan sebagai ganti bagi tiap-tiap sekolah Tamil yang terlibat seperti yang diterangkan di atas.

Saya difahamkan bahawa syarikat See Hoi Chan iaitu pemaju Damansara Jaya telah berjanji kepada Pejabat Pendidikan Selangor bahawa mereka akan menggantikan bangunan sekolah Tamil yang telah ada di kawasan Damansara. Saya juga telah diberitahu bahawa tapak tanah telahpun disediakan. Mengikut perjanjian tersebut, tiga buah bilik darjah mesti dibina oleh pihak pemaju di atas tapak yang di-khaskan untuk sekolah Tamil.

Saya difahamkan bahawa Pejabat Pendidikan Selangor juga telah meluluskan peruntukan untuk membina tiga buah bilik lagi dan tidak ada sebab mengapa bangunan baru masih belum disiapkan, tetapi sehingga hari ini bangunan yang telah dijanjikan oleh pihak pemaju masih belum lagi dibina dan pada masa sekarang sekolah Tamil di Ladang Eftingham dijalankan dengan sumbangan-sumbangan pekerja-pekerja ladang tersebut dan badan-badan sukarela. Saya ingin menanyakan pihak Kementerian Pendidikan bilakah Kementerian Pendidikan akan mendirikan sekolah-sekolah gantian yang telah dijanjikan?

Adakah tujuan atau dasar Kerajaan untuk mengenyepikan permintaan-permintaan dan kehendak-kehendak kaum India di Lembah Klang/ walaupun pekerja-pekerja ladang telah mengorbankan jiwa, darah dan titik peluh mereka untuk membangunkan negara ini. Berkaitan dengan perkara ini saya ingin membangkitkan satu masalah yang dihadapi oleh kaum India di bandar-bandar baru. Saya sedar dan

faham bahawa hal tanah adalah dalam jagaan Kerajaan Negeri, tetapi sebelum kita boleh raeminta atau memohon kepada Kerajaan Negeri untuk memberi tanah, pihak perancang mesti mengadakan atau memperuntukkan satu tapak sekolah untuk membangun sekolah Tamil apabila menyediakan pelan induk untuk bandar baru. Tanpa peruntukan oleh pihak perancang dalam pelan induk, pihak Kementerian Pendidikan tidak boleh memohon kepada Kerajaan Negeri untuk memberi tanah untuk kegunaan sekolah Tamil.

Apa yang saya tidak faham ialah mengapakah pihak perancang tidak mengambil tindakan untuk memperuntukkan tapak khas untuk kegunaan sekolah di bandar-bandar baru seperti Bandar Shah Alam, Subang Jaya dan Kelana Jaya. Adakah dasar Kerajaan yang menyatakan bahawa pihak perancang tidak boleh khaskan tapak untuk kegunaan sekolah Tamil apabila menyediakan pelan induk bagi tiap-tiap bandar baru. Jika tidak mengapakah tidak ada peruntukan untuk kegunaan sekolah Tamil dalam pelan induk bagi Bandar Shah Alam, Subang Jaya dan Klana Jaya dan lain-lain bandar baru.

Apa yang kita boleh lihat pada masa sekarang di Lembah Klang, pendatang baru yang menikmati kemudahan-kemudahan dan sekolah-sekolah baru, tetapi mereka yang telah lahir, telah mengangkat sumpah dan mengorbankan jiwa mereka untuk membersihkan kawasan hutan rimba selama 80 tahun tidak menikmati kemudahan tersebut. Saya rasa keadaan ini tidak boleh diteruskan dan Kementerian Pelajaran mesti mengambil tindakan dengan serta merta untuk membetulkan keadaan ini.

Saya merayu kepada Menteri Pendidikan untuk melawat sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang di Lembah Kelang dan menengok sendiri kesulitan-kesulitan yang dialami oleh murid-rnurid di sekolah-sekolah

Tamil. Pihak perancang dan Kementerian mesti mengambil tindakan untuk mengadakan tapak tanah apabila pihak perancang menyediakan pelan induk, untuk tiap-tiap bandar baru supaya apa yang telah berlaku di Shah Alam dan lain-lain bandar-bandar baru di Lembah Kelang tidak akan berulang lagi pada masa yang akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan untuk memberi jawapan.

**6.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Ucapan Penangguhan Yang Berhormat: Senator K. Sivalitigam telah membangkitkan soal berhubung dengan empat buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Tamil di ladang-ladang di Lembah Kelang yang diambilalih oleh pemaju-pemaju perumahan.

Keempat buah sekolah tersebut adalah merupakan sekolah bantuan modal yang layak menerima peruntukan pembangunan mengikut keperluan dan juga mengikut keupayaan kewangan Kerajaan. Walau bagaimanapun, oleh kerana kedudukan kewangan Kerajaan yang terhad, Kementerian Pendidikan terpaksa menangguhkan dahulu rancangan untuk memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi yang mana pihak pemaju Syarikat Paramount Malaysia Sdn. Bhd., dan Jabatan Pendidikan Selangor telah berjanji untuk membina semula ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Eftingham. Pihak pemaju bersetuju untuk membina semula empat bilik darjah kerana sekolah yang dirobohkan dahulu hanya mempunyai empat bilik darjah sahaja. Pihak Kementerian Pendidikan bersetuju

menambahkan dua bilik darjah lagi oleh kerana pada masa itu difikirkan sekolah berkenaan perlu mempunyai 6 bilik darjah. Berhubung dengan perkara ini, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan surat kuasa pelaksanaan projek yang bertarikh 25hb Februari, 1986 bagi tujuan membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Eftingham. Walau bagaimanapun, memandangkan kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan, maka rancangan itu tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal sama ada Kerajaan mempunyai dasar mengenyahkan permintaan-permintaan dan kehendak-kehendak kaum India di Lembah Kelang dan juga sama ada pihak perancang bandar-bandar baru ada memperuntukkan tapak untuk membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat di atas permintaan dan kehendak semua kaum termasuk masyarakat India.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam pelan induk membina bandar-bandar baru, pihak perancang sememangnya ada memperuntukkan tapak untuk membina sekolah. Walau bagaimanapun, penubuhan sesebuah sekolah adalah berdasarkan kepada keperluan yang wujud di sesuatu kawasan itu setelah mengambil kira beberapa ciri seperti sekolah-sekolah yang ada di sekitar kawasan yang berkenaan yang tidak dapat menampung pertambahan murid di kawasan tersebut.

Ciri kedua, tidak dapat rancangan untuk menambah bangunan sekolah-sekolah yang sedia ada di kawasan yang berkenaan bagi menampung pertambahan murid.

Yang ketiga, masalah pengangkutan dan keselamatan murid-murid untuk berulang-alik ke sekolah-sekolah yang ada di sesuatu kawasan itu.

Yang keempat, tentulah kita menimbangkan kedudukan kewangan yang kita ada.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rayuan supaya Menteri Pendidikan melawat Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang berada di Lembah Kelang, sukacitanya dimaklumkan bahawa Menteri Pendidikan sememangnya berhasrat untuk melawat kesemua sekolah termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Oleh kerana pada masa ini terdapat Lebih kurang 8,000 buah sekolah di seluruh negara dan juga terdapatnya berbagai rintangan, maka adalah mustahil bagi Menteri Pendidikan untuk membuat Lawatan kesemua sekolah. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna Menteri Pendidikan tidak mengetahui kesulitan-kesulitan yang dialami oleh murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Lembah Kelang. Jadi Kementerian Pendidikan adalah mempunyai saluran-saluran yang tertentu sebagai pegawai-pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Jemaah-jemaah Nazir Sekolah dan lain-lain bahagian di Kementerian. Pendidikan yang dapat memberikan maklumat kepada Menteri Pendidikan. Jadi maklumat-maklumat ini diambil kira dan membuat perancangan dan menentukan dasar-dasar pelaksanaan pendidikan di negara ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya ingin juga menyatakan bahawa masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini terdapat di semua jenis sekolah dan juga di lain-lain kawasan di negara ini, jadi Kerajaan memberi perhatian yang saksama mengikut keupayaan kepada masalah-masalah seperti ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat ketahui, perkara jika ini tidak dapat kita atasi dengan serta-merta, tetapi Kerajaan akan berusaha untuk mengatasi secara beransur-ansur. Sekian, terima kasih.

### **Kebenaran Rakyat Malaysia Melawat Negeri China**

#### **6.44 ptg.**

**Tuan Lim Heng Tee:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia boleh dikatakan sebuah negara yang boleh dianggap liberal, namun terdapat sekatan-sekatan dan kawalan-kawalan yang dikenakan ke atas rakyatnya. Di di antara sekatan-sekatan ini satu daripadanya yang boleh dianggap tidak realistik dan sudah ketinggalan masa, ialah sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas rakyat Malaysia dalam perjalanan dan lawatan ke Negeri China.

Pada satu masa yang lalu Malaysia dan Negeri China tidak ada hubungan rasmi, maka mudahlah di faham mengapa rakyat Malaysia tidak dibenarkan melawat ke Negeri China. Tetapi sekarang ini Malaysia dan Negeri China telah menubuhkan perhubungan rasmi semenjak tahun 1974, maka tidak ada sebarang sebab mengapa disekat perhubungan yang lebih rapat di antara kedua-dua negara dan rakyatnya.

Perjalanan dan lawatan rakyat Malaysia ke Negeri China sepatutnya diliberalkan dan juga dipermudahkan lagi. Pada masa sekarang hanya orang-orang yang sangat tua, yang sangat uzur dan ingin, mendapatkan rawatan perubatan, orang-orang yang mempunyai saudara-mara yang rapat di Negeri China dan beberapa orang daripada rombongan perdagangan dan perniagaan yang terpilih sahaja, yang layak membuat permohonan untuk melawat ke Negeri China. Sungguhpun demikian bukanlah kesemuanya akan berjaya dalam permohonan mereka itu. Daripada apa yang saya ketahui sebab-sebab Kerajaan adalah semata-mata sebab-sebab politik sahaja.

Sebab pertamanya, oleh kerana Negeri China adalah sebuah negara komunis, maka rakyat Malaysia yang membuat lawatan ke Negeri China akan mudah terpengaruh. Sekiranya ini benar, mengapakah rakyat Malaysia dibenarkan melawat ke negara-negara komunis yang lain, termasuk Soviet Russia? Satu lagi sebab yang tidak membenarkan perjalanan bebas ke Negeri China ialah sebagaimana yang kita diberitahu kerana terdapat kegiatan-kegiatan subversif komunis di Malaysia. Pada hemat saya ini juga bukanlah sebab yang baik. Ambilkanlah negeri Thai sebagai contoh, ancaman komunis dan subversif di sana adalah lebih hebat daripada di Malaysia. Sungguhpun demikian rakyat negeri Thai adalah bebas melawat ke negeri China pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang sekatan. Sebahagian besar daripada rakyat Thai adalah daripada keturunan China, namun kasih dan taat setia mereka kepada negara Thai tidak dipersoalkan. Begitu juga dengan Singapura di mana 75% rakyatnya adalah daripada keturunan China. Oleh, yang demikian, anggapan yang berasaskan terdapatnya subversif komunis nampaknya tidaklah munasabah.

Pada masa yang lalu Kerajaan pernah menegaskan bahawa perhubungan di antara Malaysia dengan Negeri China hendaklah dihadkan kepada Kerajaan ke Kerajaan sahaja. Pada hemat saya ini tidaklah realistik dan sudahpun ketinggalan masa.

Kebelakangan ini Kerajaan kita telah menggalakkan pengaliran perdagangan dan perniagaan di antara Malaysia dengan Negeri China.

Sebagaimana kita ketahui perdagangan dan perniagaan adalah usaha swasta dan untuk membolehkan ia berkembang dan tumbuh, perhubungan dan pertukaran secara formal atau informal hendaklah dibenarkan secara bebas dan dengan lebih kerap lagi. Oleh yang demikian mengapakah kita hendak menghadkan perhubungan negara kita dengan Negeri China kepada Kerajaan ke kerajaan? Disebabkan Kerajaan kita terlalu menegaskan perhubungan Kerajaan-ke-Kerajaan inilah yang menyebabkan timbulnya beberapa masalah perdagangan dengan Negeri China.

Perlu juga dinyatakan di sini, bahawa sekatan-sekatan ke atas perjalanan dan lawatan ke Negeri China telah membawa banyak kesusahan dan kehampaan kepada rakyat kita. Kerajaan kita seakan-akan tidak menaruh keyakinan kepada rakyat kita dan kematangan serta kejujuran rakyatnya masih diragu-ragukan. Setengah-setengah orang pula menganggap Kerajaan kita sengaja mendiskriminasikan serta prejudis lama terhadap rakyat keturunan China. Boleh juga dikatakan bahawa dasar ini mencerminkan Kerajaan kita tidak dapat menyingkirkan prejudis lama dan menyesuaikan dtrinya kepada keadaan baru.



Mungkin juga Kerajaan kita ada sebab-sebabnya yang tersendiri,

Walau apa sekalipun, saya ingin menggesa Kerajaan kita supaya berikanlah pandangan secara positif terhadap perkara ini. Kerajaan harus tahu rakyat kita adalah cukup matang dan jujur untuk membezakan apa yang baik dan apa yang tidak baik untuk mereka. Ramai penyokong-penyokong komunis sebenarnya adalah mereka yang belum pernah melihat bagaimana komunisme diamalkan. Mereka ini juga belum pernah pijak ke negara komunis untuk melihat keadaan hidup di sana. Ramai yang tinggal di negara-negara komunis seperti Negeri China dan Russia dan telah merasai komunisme sedang mencuba melarikan diri mereka dari tanahair mereka masing-masing.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Ahli Yang Berhormat, masa 7<sup>1/2</sup> minit sudah sampai. Saya membenarkan Yang Berhormat menyambung sedikit: sahaja, satu minit.

**Tuan Lim Heng Tee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Lihat sahaja oraag-orang di Hong Kong, berjuta-juta orang telah melarikan diri dari Negeri China. Komunisme begitu dekat dengan mereka, tetapi mereka tidak juga menjadi komunis ataupun penyokong-penyokong komunis.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangatlah berharap Kerajaan akan menimbang rayuan saya untuk meliberalkan rakyat Malaysia membuat lawatan ke Negeri China. Saya rasa tidak apa-apa risiko dari segi keselamatan negara, sebaliknya kita akan mencapai perhubungan yang lebih baik serta mendapat Faedah ekonomi melalui dasar yang terbuka ini.

Dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Kerajaan menimbang rayuan saya ini secara serius. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk menjawab.

**6.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum dapat Kerajaan menimbangkan butir-butir ucapan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, eloklah kita memahami bahawa perhubungan Malaysia dengan RRC masih lagi bertaraf 'Kerajaan-dengan-Kerajaan'. Ini harus kita fahami.

Untuk memahami perkara **ini**, eloklah diketahui tentang latar-belakang mengapa keadaan ini sedemikian dan eloklah saya senaraikan satu demi satu keadaan-keadaan tersebut:-

- (i) Aktiviti 'Overseas Chinese Affairs Organisation' (OCAO), sama ada di Negeri China sendiri atau di Kedutaan China di luar negeri antara lain bertujuan mendapatkan sokongan masyarakat Cina seberang laut supaya memberi bantuan kepada pemodenan China. Negeri China sendiri masih menganggap orang-orang Cina seberang laut sebagai sama dengan warganegara asing yang berketurunan Cina. Ini menyebabkan semangat 'chauvinistic feeling', dengan izin, di kalangan masyarakat Cina seberang laut dapat dipengaruhi dengan senang.
- (ii) Parti Komunis Malaya mempunyai agen-agen mereka di Negeri China. Agen-agen ini sentiasa mencari peluang untuk membuat perhubungan dengan 'over'seas Chinese yang melawat China dengan mempengaruhi mereka supaya menyokong perjuangan Parti Komunis Malaya.

- (iii) Wujudnya 'stateless persons of Chinese origin', dengan izin, di Malaysia yang berjumlah hampir 90,000 orang. Pada prinsipnya mereka ini adalah masih warganegara Republik Rakyat China. Negeri China sendiri sudah tentu akan menggunakan mereka ini bagi tujuan-tujuan tertentu, jika diperlukan.
- (iv) Dalam pada itu, terdapat pula bekas rakyat Malaysia yang menetap di RRC yang mungkin menjadi agen Parti Komunis Malaya atau Parti Komunis China. Mereka ini akan digunakan untuk mengada dan menjalinkan hubungan dengan warganegara Malaysia bila berpeluang.
- (v) Kedudukan Thailand agak berbeza dengan Malaysia. Thailand menghadapi ancaman daripada Parti Komunis Thai dan juga daripada Vietnam. Thailand mungkin berharap dengan melonggarkan hubungan 'people-to-people', dengan izin, dengan China akan menyulitkan pihak Vietnam kerana China sendiri bermusuhan dengan Vietnam.
- (vi) Malaysia membenarkan warganegara melawat lain-lain negara komunis seperti Russia dengan bebas kerana Parti Komunis Russia tidak menyatakan sokongannya kepada Parti Komunis Malaya.

Namun begitu, walaupun dengan keadaan-keadaan yang sedemikian, kalau kita lihat dari tahun 1980 hingga 1986, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 42,667 permohonan daripada warganegara Malaysia yang ingin melawat RRC bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan, seperti mana melawat, menyertai rombongan, menghadiri seminar dan sebagainya.

nya. Dan kalau kita lihat tahun 1985 hanya 7,715 orang sahaja yang diluluskan. Pada tahun 1986 angka itu hampir berganda kepada 12,643 orang dan pada masa ini hampir 400 buah syarikat telah dibenarkan menghantar pegawai-pegawainya melawat RRC bagi urusan perniagaan masing-masing. Mana-mana syarikat yang mempunyai alasan-alasan yang munasabah yang memerlukan wakil mereka membuat Lawatan yang kerap ke RRC, mereka akan diberikan kelulusan untuk membuat lawatan berkali-kali bagi tempoh di antara 3 hingga 6 bulan bagi setiap urusan yang boleh dilanjutkan bagi tempoh yang sama jika diperlukan.

Daripada penjelasan di atas adalah jelas menunjukkan bahawa tuduhan Ahli Yang Berhormat berkenaan yang mengatalan Kerajaan mengamalkan dasar yang prejudis dan negatif serta mengadakan peratutan yang terlalu ketat adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan telah sanggup menerima risiko keselamatan yang agak tinggi apabila peraturan-peraturan lawatan ke RRC dilonggarkan. Ini kerana negara kita masih diancara oleh Parti Komunis Malaya yang diharamkan. Parti Komunis China masih meneruskan sokongan kepada perjuangan Parti Komunis Malaya walaupun Malaysia merayu kepada RRC supaya memutuskan hubungan tersebut. Kerajaan RRC memahami masalah kita dan menghormati dasar Malaysia terdapat mereka.

Dasar hubungan berlandaskan, hubungan Kerajaan dengan Kerajaan ini akan diteruskan demi kepentingan ekonomi dan keselamatan negara kita. Seluruh rakyat hendaklah memahami akan hakikat bahawa ancaman-ancaman kepada keselamatan negara Malaysia tidak sama yang dihadapi oleh lain-lain negara dan dengan demikian, strategi untuk

mengatasi ancaman-ancaman tersebut tentulah juga berbeza. Ini bukanlah bererti Kerajaan harus mengeneipkan sama sekali ancaman-ancaman yang dihadapi oleh lain-Lain negara, terutama dalam rantau yang sama. Setakat ini belum ada sebarang tanda yang memerlukan Kerajaan mengubah dasar ini. Jika Kerajaan RRC boleh memahami dasar Malaysia dan menghormatinya, Kerajaan tidak nampak sebarang sebab kenapa rakyat Malaysia sendiri gagal memahaminya. Kerajaan tidak akan menggadaikan keselamatan negara semata-mata kerana hanya ingin memenuhi kemahuan segelintir rakyat yang sama ada dengan sengaja atau tidak melepaskan komitmen dan tanggungjawab mereka kepada negara. Sekian, terima kasih. **[Tepuk]**

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, bahawa di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai:** Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 15bb Julai, 1987.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.**